



جمعية العلماء ومدرسي الدين الإسلامي سنغافورة
Persatuan Ulama dan Guru-Guru Agama Islam (Singapore)
Singapore Islamic Scholars & Religious Teachers Association

PANDUAN AGAMA:

Keganasan Domestik dalam Perspektif Islam

Diterbitkan oleh



جَمْعِيَّةُ الْعُلَمَاءِ وَغُورِ الدِّينِ الْإِسْلَامِيِّينَ بِسِنْدِغَاوَرَة
Persatuan Ulama dan Guru-Guru Agama Islam (Singapura)
Singapore Islamic Scholars & Religious Teachers Association

Singapore Islamic Scholars and Religious Teachers Association
448 Changi Road #03-01
Singapore 419975



info@pergas.org.sg



www.pergas.org.sg

Editor

Mohamed Qusairy Bin Thaha
Nazrana Binte Haniff

Pengkaji dan Penyumbang

Khairunnisaa Bte Abdul Rahim
Mohammad Yusri Yubhi Mohd Yusoff
Muhammad Izzam Bin Ahmad
Siti Rafidah Mahmood Angullia
Umar Muhammad Noor

Editor Bahasa

Rasiah Bee Binte Abdul Halil

Desain

Pergas

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan menerbit semula, meniru atau memancar mana-mana bahagian dari kandungan panduan ini dalam apa jua bentuk atau format, sama ada secara elektronik, fotokopi atau lain-lain, tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu dari penerbit.

© 2022 Pergas

Kandungan

Ringkasan	3
Panduan Agama	11
1. Pengenalan	11
2. Latar Belakang	12
3. Keganasan Rumah Tangga di Singapura	12
4. Pandangan Islam Mengenai Perkahwinan	13
4.1 Makna dan Tujuan Perkahwinan dalam Islam	13
4.2 Peranan dan Tanggungjawab dalam Perkahwinan	15
5. Keganasan Rumah Tangga	18
5.1 Maksud Keganasan Rumah Tangga	18
5.2 Jenis-jenis Penderaan	19
5.2.1 Penderaan Fizikal	19
5.2.2 Penderaan Emosi dan Psikologi	20
5.2.3 Penderaan Kewangan	20
5.2.4 Pengabaian	21
5.3 Apa yang Perlu Diperhatikan atau Bagaimana Mengetahui Jika Diri Anda atau Seseorang itu Tergolong dalam Perhubungan yang Terdera?	21
5.4 Apa yang Perlu Dilakukan?	22
5.4.1 Mangsa Penderaan	22
5.4.2 Pelaku	23
5.4.3 Pemerhati yang Mengesyaki Penderaan	24

6. Merungkai Salah Faham Masyarakat Berkaitan Keganasan Rumah Tangga dalam Islam	25
6.1 Kefahaman Mengenai <i>Nusyuz</i> dan <i>Dharb</i>	25
6.1.1 <i>Nusyuz</i> Menurut Pandangan Ulama	25
6.1.2 <i>Dharb</i> Menurut Pandangan Ulama	27
6.1.3 Anjuran untuk Tidak Memukul Adalah Lebih Sesuai	28
6.2 Hadis yang Disalahfaham	29
6.2.1 Sujud kepada Suami	30
6.2.2 Laknat Malaikat kepada Isteri yang Menolak Ajakan Suami	31
6.2.3 Talak Mengundang Murka Allah	33
6.3 Apa Kata Islam Tentang Mentaati Suami?	35
6.3.1 Pandangan al-Quran	36
6.3.2 Contoh-contoh daripada Rasulullah s.a.w.	37
6.3.3 Pandangan Syariah Tentang Mentaati Suami	37
6.3.4 Meninjau Semula Jangkaan Kebudayaan dan Peranan Isteri	40
6.4 Seorang Muslim Dituntut Bersabar dalam Menghadapi Ujian dan Dugaan. Pasangan Suami Isteri juga Bertanggungjawab untuk Menutup Keaiban Pasangan Mereka. Adakah Mangsa Keganasan Rumah Tangga Perlu Bersabar, Menerima Sahaja dan Mengamalkan Tawakal dalam Menghadapi Ujian Tersebut?	42
6.4.1 Memahami Erti Kesabaran dan Tawakal bagi Mangsa Penderaan	42
6.4.2 Membela Diri dari Kezaliman dan Mencari Penyelesaian adalah Tuntutan Agama	44
6.4.3 Bertahan dalam Rumah Tangga yang Dibelenggu Kekerasan Meninggalkan Kesan Berpanjangan kepada Anak	46
7. Penutup	47

Ringkasan

1. Pengenalan

2. Latar Belakang

3. Keganasan Rumah Tangga di Singapura

4. Pandangan Islam Mengenai Perkahwinan

4.1 Makna dan Tujuan Perkahwinan dalam Islam

- Pasangan dan anak adalah amanah dari Allah s.w.t.
- Rasa cinta dan saling kasih mengasihi terjalin dengan hubungan perkahwinan.
- Membuktikan kekuasaan dan rahmat Allah s.w.t. dengan mewujudkan perasaan cinta dan belas kasihan antara satu sama lain.

4.2 Peranan dan Tanggungjawab dalam Perkahwinan

- Perkahwinan memerlukan kerja keras agar ia berjaya.
- Suami adalah pemelihara yang menjamin keselamatan keluarga. Isteri pula ditugaskan untuk membantu dan menyokong suami dalam mengemudi bahtera kehidupan.
- Suami diwajibkan melayani isteri dengan baik. Suami diharamkan menyakiti isteri secara fizikal mahupun lisan.
- Isteri bertanggungjawab menghormati dan mentaati suami kepada perkara kebaikan.
- Pasangan perlu bertimbang rasa terhadap kehendak masing-masing dari semua aspek samada fizikal, emosi dan kerohanian.
- Antara tips untuk mengekalkan keharmonian rumah tangga juga adalah menghormati dan berbakti kepada orang tua kerana doa mereka membawa keberkatan.

5. Keganasan Rumah Tangga

5.1 Apakah yang dimaksudkan dengan keganasan rumah tangga?

- Merujuk kepada yang tertera di Piagam Wanita ataupun Women's Charter.
- Keganasan yang berlaku kepada ahli keluarga dalam hubungan yang sah di sisi undang-undang. Ini termasuk kepada suami atau isteri, anak-anak mahupun warga tua.

5.2 Jenis-jenis Penderaan

Antara jenis penderaan yang boleh berlaku kepada suami, isteri, anak-anak mahupun orang tua adalah:

5.2.1 Penderaan Fizikal

5.2.2 Penderaan Emosi dan Psikologi

5.2.3 Penderaan Kewangan

5.2.4 Pengabaian

5.3 Apa yang Perlu Diperhatikan atau Bagaimana Mengetahui jika Diri Anda atau Seseorang itu Tergolong dalam Perhubungan yang Terdera?

Selain dari luka dan bekas dari penderaan fizikal, antara tanda yang boleh dikenal pasti bagi penderaan lain adalah seperti:

- Pasangan sering terlalu cemburu dan keterlaluan mahu 'memiliki'.
- Tindakan dan pergerakan kerap dikawal.
- Tidak dibenarkan menggunakan akaun bank tanpa sebarang sebab yang munasabah.
- Seringkali berasa bimbang dan takut kerana pasangan atau penjaga sering mengalami kemarahan yang meluap-luap dan mempunyai masalah mengawal emosi.
- Kekurangan keperluan asas.

5.4 Apa yang Perlu Dilakukan

Langkah-langkah yang perlu diambil oleh:

5.4.1 Mangsa Penderaan

- Mengetahui situasi dan jenis penderaan
- Menyedari kepentingan bertindak
- Mengumpulkan bukti
- Mendapatkan bantuan melalui:
 - Ibu bapa ataupun ahli keluarga
 - Talian NAVH 1800 777 0000
 - Polis
 - Berjumpa doktor
 - Khidmat kaunseling dan nasihat asatizah bertauliah
 - *Personal Protection Order*

5.4.2 Pendera

- Meninggalkan tempat untuk meredakan kemarahan dan mencari ketenangan mengikut apa yang telah diajarkan oleh Rasulullah s.a.w.
- Mendapatkan bantuan kaunseling dan khidmat profesional bagi mengawal kemarahan dan memperbaiki komunikasi dalam keluarga.
- Mendekatkan diri dengan agama.

5.4.3 Pemerhati yang Mengesyaki Penderaan

- Perlu membantu orang yang dizalimi kerana ianya adalah tanggungjawab keagamaan.
- Ibu bapa dan ahli keluarga dinasihati sering bertanya khabar anak yang telah berkahwin agar dapat membantu meleraikan masalah rumahtangga dan mengesan penderaan.

- Anak-anak pula dinasihati kerap menziarahi ibu bapa dan peka akan masalah atau kesusahan yang dihadapi oleh ibu bapa.
- Perlu memastikan keadaan dirinya dan mangsa selamat sebelum menghulurkan bantuan.
- Menghubungi talian NAVH.
- Menunjukkan keprihatinan.

6. Merungkai Salah Faham Masyarakat Berkaitan Keganasan Rumah Tangga dalam Islam

6.1 Kefahaman mengenai *Nusyuz* dan *Dharb*

6.1.1 *Nusyuz* (derhaka) menurut Pandangan Ulama

- Terbahagi kepada dua iaitu *nusyuz* isteri dan *nusyuz* suami.
- *Nusyuz* isteri adalah tidak mematuhi perintah yang diwajibkan Allah s.w.t. ke atas mereka atau tidak melaksanakan tanggungjawab sebagai isteri.
- *Nusyuz* suami adalah tidak melaksanakan tanggungjawabnya bagi memenuhi keperluan isteri dari berbagai sudut.

6.1.2 *Dharb* menurut Pandangan Ulama

- Ulama berbeza pandangan dalam mentafsirkan perkataan *dharb* dalam surah al-Nisa':34.
- Ada yang berpandangan ia bermaksud pukulan yang tidak mencederakan.
- Pandangan sarjana Islam lain pula ia bukan bermaksud pukulan tetapi membawa maksud umum iaitu memutuskan hubungan, memisahkan, meninggalkan dan menjauhkan.
- Walaupun majoriti cenderung kepada pandangan mengharuskan pukulan, namun anjuran tidak memukul adalah lebih sesuai kerana ia lebih bertepatan dengan akhlak Baginda s.a.w. bersama isteri.
- Keganasan rumah tangga pula dilarang di dalam Islam. Islam tidak mengizinkan memukul, menendang, mencederakan dan menyakiti pasangan, sama ada secara zahir mahupun mental.

6.2 Hadis yang Disalahfaham

Beberapa hadis sering digunakan untuk membenarkan keganasan atau menghalang mangsa memperjuangkan haknya. Hadis tersebut adalah:

6.2.1 Sujud kepada Suami

- Melalui hadis ini, Rasulullah s.a.w. sedang mendidik pasangan suami isteri menghargai pasangannya.
- Isteri wajib menzahirkan penghormatan kepada suami sebagaimana suami wajib menyediakan semua keperluan hidupnya.
- Hadis ini perlu diiringi dengan pelbagai prinsip al-Quran dan hadis lain yang mengandungi peringatan tentang pelbagai tanggungjawab yang wajib digalas oleh suami isteri seperti pasangan suami isteri saling melengkapi dan suami adalah pemelihara dan hak isteri untuk disantuni dengan lembut.

6.2.2 Laknat Malaikat kepada Isteri yang Menolak Ajakan Suami

- Tiada khilaf tentang hadis dalam kalangan ulama bahawa isteri diharamkan menolak ajakan suami yang memanggilnya ke tempat tidur.
- Namun hadis ini juga bukan bermaksud isteri perlu mentaati suami tanpa syarat.
- Ia perlu difahami secara holistik di samping prinsip al-Quran dan hadis yang lain.
- Contohnya di dalam hadis ini Rasulullah s.a.w. melarang suami mengasari isteri sama ada secara fizikal mahupun emosi dan mental, kemudian mengajak isteri untuk bersama dengannya. Intimasi di antara suami dan isteri seharusnya berlaku dalam keadaan yang kondusif.
- Suami dan isteri perlu mengukuhkan persefahaman di antara mereka. Isteri perlu memahami tanggungjawabnya untuk memenuhi keperluan suami, sebagaimana suami juga perlu peka dan memahami keadaan dan situasi isteri.

6.2.3 Talak Mengundang Murka Allah

- Sesetengah mangsa keganasan rumah tangga enggan memperjuangkan haknya kerana tidak ingin menjadi penyebab perceraian.
- Perceraian sememangnya tidak disukai kerana membawa implikasi berat pada diri suami, isteri dan anak-anak.
- Pasangan suami isteri harus menghindari perceraian semampu mereka dan mencari kedamaian.
- Namun apabila tiada lagi jalan bagi memperbaiki keadaan, maka perceraian adalah penyelesaian terbaik/penyelesaian yang perlu dipertimbangkan.
- Khulu' juga dibenarkan di dalam Islam dalam beberapa situasi seperti ketika dizalimi.
- Jumhur ulama berpandangan bahawa hukum khulu' adalah harus sebagai penyelesai pertikaian yang berlaku antara pasangan.

6.3 Apa kata Islam tentang Mentaati Suami?

- Pasangan suami dan isteri perlu memahami peranan dan tanggungjawab masing-masing.
- Al-Quran menjelaskan bahawa pasangan suami isteri saling melengkapi dan bekerjasama. Keduanya mempunyai kedudukan yang penting dalam rumah tangga.
- Sunnah Rasulullah s.a.w. menekankan rasa hormat dan empati di antara pasangan
- Meninjau Semula Jangkaan Kebudayaan dan Peranan Isteri:
 - o Suami tidak seharusnya menyalahgunakan kedudukannya untuk mendera isteri.
 - o Masyarakat mungkin menjangkakan isteri perlu menyediakan segala keperluan rumah tangga dan anak-anak.
 - o Terdapat perbincangan di mana para ulama berpandangan bahawa isteri tidak wajib melakukan kerja rumah. Jika dilakukan, itu adalah atas dasar ihsan.

- o Masyarakat juga mungkin memberikan tugas membuat keputusan yang besar kepada suami sahaja.
- o Ini sedangkan Rasulullah s.a.w. mengamalkan syura (berbincang) bersama para isterinya.

6.4 Seorang Muslim Dituntut Bersabar dalam Menghadapi Ujian dan Dugaan. Pasangan Suami Isteri juga Bertanggungjawab untuk Menutup Keaiban Pasangan Mereka. Adakah Mangsa Keganasan Rumah tangga Perlu Bersabar, Menerima Sahaja dan Mengamalkan Tawakal dalam Menghadapi Ujian Tersebut?

6.4.1 Memahami Erti Sabar dan Tawakal bagi Mangsa Deraan

- Sabar dan tawakal adalah dituntut di dalam Islam.
- Sabar dan tawakal perlu diiringi dengan usaha dan kesungguhan untuk memperbaiki keadaan.

6.4.2 Membela Diri dari Kezaliman dan Mencari Penyelesaian adalah Tuntutan Agama

- Mempertahankan dan mengeluarkan diri dari bahaya dan kemudaratan dituntut dalam Islam.
- Walaupun pasangan suami isteri bertanggungjawab menutup aib satu sama lain, namun Islam membenarkan mendapatkan bantuan melalui orang tengah (seperti ibu bapa, kaunselor, asatizah dan sebagainya) ketika menghadapi kesulitan rumah tangga.

6.4.3 Bertahan dalam Rumah Tangga yang Dibelenggu Kekerasan Meninggalkan Kesan Berpanjangan kepada Anak

- Sebahagian mangsa mungkin ingin bersabar kerana memikirkan kebajikan anak-anak.
- Anak-anak menyaksikan keganasan di dalam keluarga secara senyap.
- Ini akan memberikan kesan kepada emosi dan psikologi mereka seperti menangani konflik dengan kekerasan.

PANDUAN AGAMA:

Keganasan Domestik dalam Perspektif Islam

Panduan Agama: Keganasan Domestik dalam Perspektif Islam

1. Pengenalan

Keganasan rumah tangga merupakan antara cabaran sosial di Singapura. Ia semakin merisaukan kerana kes keganasan rumah tangga telah meningkat dan melonjak apabila kawalan pergerakan diperintahkan bagi mengekang penularan Covid-19.¹ Isu ini turut membelenggu masyarakat Islam Singapura malah lebih membimbangkan adalah wujudnya salah faham terhadap teks dan konsep agama berkaitan dengan derhaka ataupun *nusyuz* dan ketaatan di dalam rumah tangga. Oleh itu panduan ini berusaha untuk memperbetulkan salah faham dan memberi pencerahan bagi perkara-perkara berikut:

1. Tujuan perkahwinan di dalam Islam serta tanggungjawab suami dan isteri secara ringkas
2. Maksud keganasan rumah tangga termasuk jenis-jenis deraan dan tanda-tanda bagi mengenal pasti keganasan rumah tangga
3. Langkah-langkah yang boleh diambil
4. Merungkai salah faham terhadap beberapa teks dan ajaran agama:
 - a. *Nusyuz* dan *dharb* di dalam al-Quran
 - b. Hadis-hadis yang boleh menimbulkan kekeliruan
 - c. Konsep ketaatan
 - d. Konsep kesabaran

¹ Theresa Tan, "Family Violence Cases on The Rise in S'pore amid Covid-19 Pandemic", laman sesawang The Straits Times, diperolehi pada 22 Februari 2022, <https://www.straitstimes.com/singapore/community/family-violence-cases-on-the-rise-in-spore-amid-covid-19-pandemic>

2. Latar Belakang

Pada 20 Mac 2021, Pergas telah mengadakan Muktamar Ulama 2021 yang mengumpulkan seramai 61 asatizah, pengkaji dan aktivis. Mereka berhimpun untuk membincangkan pendekatan serta penyelesaian bagi beberapa hal semasa melalui kerangka kerja Wasatiyyah.

Dua kertas kerja telah dibentangkan untuk menyiapkan dan menyegarkan kefahaman peserta mengenai konsep Wasatiyah dan Absolutisme, sebelum mereka berbincang mengenai empat isu semasa yang telah dikenal pasti. Pembentangan ini dilakukan agar para peserta dapat merujuk dan menerapkan kerangka kerja Wasatiyah ketika memberi saranan dalam menangani isu-isu semasa.

Kertas pertama 'Al-Wasatiyah and the Meaning of Ummah Wasat' yang disampaikan oleh Professor Emeritus Tan Sri Dr Mohd. Kamal Hassan mengupas pengertian Wasat serta perbezaannya daripada terjemahan seperti kesederhanaan dan 'moderation'. Ia juga menjelaskan ciri-ciri Ummah Wasat serta syarat yang perlu dipenuhi bagi membentuk Ummah Wasat. Kertas kedua pula 'A Wasatiyah Approach to Understanding Theological Absolutism' yang dibentangkan oleh Ustaz Dr Muhammad Haniff Bin Hassan menganalisis pemahaman absolutisme dalam beragama.

Setelah pembentangan kertas kerja, para peserta membincangkan cara terbaik mendepani beberapa isu semasa termasuk keganasan rumah tangga di kalangan masyarakat Islam Singapura.

3. Keganasan Rumah Tangga di Singapura

Kes-kes keganasan keluarga, yang merangkumi keganasan rumah tangga semakin meningkat di Singapura. Kesalahan-kesalahan ini termasuklah yang menyebabkan kecederaan, menggunakan kuasa secara jenayah, serangan dan menakut-nakutkan secara jenayah. Pada 21 Januari 2021, akhbar *The Straits Times* menerbitkan bahawa sebanyak 5,135 kes keganasan keluarga dilaporkan pada 2020. Pusat-pusat yang khusus menangani keganasan keluarga juga melaporkan pertanyaan-pertanyaan diterimanya bertambah sebanyak 57% berbanding 2018.²

Menteri Negara (Ehwal Dalam Negeri merangkap Pembangunan Negara) Prof Madya Dr Muhammad Faishal Ibrahim menekankan bahawa terdapat peningkatan 10% kes keganasan keluarga setiap bulan dari April sehingga Disember 2020. Ini disebabkan ahli-ahli keluarga meluangkan banyak masa bersama di rumah kerana pelaksanaan kawalan pergerakan untuk mengekang pandemik.

² Theresa Tan, "Taskforce calls for stronger protection for victims of family violence, beefing up rehab for offenders", laman sesawang *The Straits Times*, diperolehi pada 28 Oktober 2021, <https://www.straitstimes.com/singapore/community/task-force-calls-for-stronger-protection-for-victims-of-family-violence-beefing>

Pada 2019, satu kajian yang dijalankan oleh IPSOS, sebuah agensi pemasaran global dan Wanita Bersatu Singapura (*United Women Singapore*), sebuah pertubuhan tidak mencari untung, mendapati 3 daripada 10 warga Singapura mendakwa mereka atau seseorang yang rapat dengan mereka mengalami penderaan rumah tangga. Kajian yang bertajuk 'Perceptions of Singaporeans on Domestic Abuse' juga mendapati 40% daripada warga Singapura memandang ringan dan menganggap keganasan rumah tangga tidak tersebar luas di Singapura. Dan yang lebih mengejutkan, walaupun terdapat pelbagai usaha untuk melindungi mangsa dan mengekang keganasan keluarga, 41% daripada responden masih kurang pasti langkah yang seharusnya diambil jika mereka atau seseorang yang rapat dengan mereka mengalami penderaan rumah tangga.³

Kaum lelaki juga tidak terkecuali dalam masalah ini. Dijangkakan 1 daripada 4 orang lelaki Singapura menghadapi keganasan rumah tangga. Seringkali kaum lelaki tidak mahu mendedahkan penderaan tersebut kerana stigma sosial yang dikaitkan dengan kedudukan mereka sebagai lelaki. Mereka selalunya tidak mendapatkan bantuan sehingga masalah tersebut menjadi genting.

Dalam satu perbincangan meja bulat mengenai keganasan rumah tangga yang dianjurkan oleh Pergas pada 13 Oktober 2017, para peserta yang kebanyakannya terdiri daripada asatizah, aktivis yang menangani isu ini dan para pengkaji, menekankan bahawa masyarakat menghormati panduan-panduan keagamaan yang diutarakan asatizah. Ada yang menukil beberapa kes apabila si pelaku menggunakan alasan dan bukti agama untuk mewajarkan kelakuan ganas mereka. Perkara yang sama juga disuarakan semasa Perbincangan Kumpulan Fokus yang dijalankan oleh Pergas dengan para aktivis pada 10 Oktober 2020. Kebergantungan kepada agama untuk mewajarkan tindakan yang salah berleluasa dalam masyarakat Melayu Islam. Lantas adalah penting untuk memperbetulkan beberapa salah faham tersebut.

4. Pandangan Islam Mengenai Perkahwinan

4.1 Makna dan Tujuan Perkahwinan dalam Islam

Sebelum kita menyorot konflik-konflik yang merangkai sesebuah perkahwinan misalnya keganasan dan penindasan, adalah penting kita memahami dan meninjau semula makna dan tujuan perkahwinan.

Perkahwinan bukan sekadar sebuah destinasi tetapi sebuah perjalanan yang memerlukan kerja keras, komitmen, persefahaman, rasa hormat dan cinta. Ia

³ Ipsos, "Perception of Singaporeans on Domestic Abuse", laman sesawang Ipsos, diperolehi pada 17 Februari 2022, <https://www.ipsos.com/en-sg/perceptions-singaporeans-domestic-abuse>

merupakan suatu ikrar suci dan juga sebuah institusi yang membolehkan seseorang itu mendalami hubungannya dengan seorang insan lain dan juga dengan Allah s.w.t.

Kebanyakan kita pada hari ini dikaburkan dengan gambaran dan definisi perkahwinan yang bercelaru. Justeru, adalah penting kita meninjau semula perkara yang diajar oleh Junjungan kita s.a.w. mengenai perkahwinan, bagaimana mengurusnya, dan memperoleh rahmat yang mengiringi perkahwinan seperti dijanjikan Allah s.w.t.

Penting bagi kita memahami bahawa pasangan dan anak diamanahkan oleh Allah s.w.t. kepada kita dan kita perlu melindungi mereka. Allah s.w.t. menjelaskan ini di dalam al-Quran:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَتَخُونُوا أَمْنَتَكُمْ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٢٧﴾

Ertinya: "Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan RasulNya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya)" (Al-Anfal 8:27)

Namun tanpa disedari kebanyakan kita mengkhianati amanah yang diberi oleh Allah s.w.t. dan Rasulullah s.a.w.

Allah s.w.t. juga menyebut di dalam al-Quran:

وَمِنْ ءَايَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾

Ertinya: "Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmatNya, bahawa Ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikanNya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir." (Ar-Rum 30:21)

Imam al-Baghawi⁴ menyebutkan bahawa salah satu tanda kebesaran Allah s.w.t. ialah bagaimana Allah s.w.t. meletakkan perasaan cinta dan belas kasihan di antara suami isteri; mencintai dan menunjukkan rasa belas kasihan antara satu dengan yang lain, dan tiada apa yang lebih disayangi

⁴ Al-Baghawi, Tafsir Al-Baghawi, Ma'alim al-Tanzil; al-Tahrir wa al-Tanwir; Adwa' al-Bayan, (Riyadh: Dar Taibah li Al-Nasyr wa al-Tauzi', 1989).

selain pasangannya. Ini berlaku tanpa ada sebarang perhubungan di antara mereka sebelum itu, namun ia terjalin dengan kehendak dan kebesaran Allah s.w.t.

Menurut Ibn ‘Ashur, ayat ini mengingatkan akan rahmat Allah s.w.t. dalam memelihara spesies manusia menerusi fitrah tertarik kepada lawan jenisnya. Perkahwinan yang berlaku antara dua orang manusia menghasilkan ketenangan bukan keganasan sebagaimana berlaku dalam beberapa jenis spesies yang lain. Menerusi perkahwinan, dua orang yang sebelumnya tidak mengenali satu sama lain menjadi saling mencintai dan mengasihi. Cinta kasih yang terbit di antara mereka bahkan melebihi cinta kasih ibu bapa kepada anak kandungnya sendiri.⁵

4.2 Peranan dan Tanggungjawab dalam Perkahwinan

Bagi memastikan ketenangan tersebut tercapai dan kasih sayang terjalin, al-Quran telah menetapkan hak dan tanggungjawab bagi pasangan suami dan isteri. Suami dilantik sebagai pemelihara yang bertugas menjamin kesejahteraan ahli keluarga. Pada masa yang sama, isteri ditugaskan untuk membantu dan menyokong suami dalam mengemudi bahtera kehidupan. Allah s.w.t. menjelaskan:

الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ وَبِمَا أَنْفَقُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ
فَالصَّالِحَاتُ قَانِتَاتٌ حَافِظَاتٌ لِّلْغَيْبِ بِمَا حَفِظَ اللَّهُ ۗ

Ertinya: “Kaum lelaki itu adalah pemelihara yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan, dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka. Maka perempuan-perempuan yang soleh itu ialah yang taat (kepada Allah dan suaminya), dan yang memelihara (kehormatan dirinya dan apa jua yang wajib dipelihara) ketika suami tidak hadir bersama, dengan pemeliharaan Allah dan pertolonganNya.” (Al-Nisa’ 2:34)

Kedudukan yang diberi kepada suami beriring dengan tanggungjawab yang besar dan bukan hanya tertakluk pada soal hak. Seorang lelaki harus memikul tanggungjawabnya yang sebenar sebagai suami dan tidak sekadar tertumpu kepada apa yang dianggap sebagai haknya. Demikian juga bagi seorang wanita; dia harus menyedari dan menjalankan tanggungjawabnya sebagai seorang isteri.

Kaum suami juga diharamkan sama sekali daripada menyakiti isteri secara fizikal mahupun lisan. Sebaliknya, suami diwajibkan untuk melayani isteri dengan baik dalam perhubungan seharian

⁵ Muhammad Tahir bin ‘Ashur, al-Tahrir wa al-Tanwir (Beirut: Mu’assasah al-Tarikh al-‘Arabi, 2000), 21:32.

mereka dan menyantuni isterinya dengan hormat meskipun dia tidak lagi mencintainya. Allah s.w.t. berfirman:

وَعَاشِرُوهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ فَإِنْ كَرِهْتُمُوهُنَّ فَعَسَى أَنْ تَكْرَهُوا شَيْئًا
وَيَجْعَلَ اللَّهُ فِيهِ خَيْرًا كَثِيرًا ﴿١٩﴾

Ertinya: “Dan bergaullah kamu dengan mereka (isteri-isteri kamu itu) dengan cara yang baik. Kemudian jika kamu (merasai) benci kepada mereka (disebabkan tingkah lakunya, janganlah kamu terburu-buru menceraikannya), kerana boleh jadi kamu bencikan sesuatu, sedang Allah hendak menjadikan pada apa yang kamu benci itu kebaikan yang banyak (untuk kamu).” (Al-Nisa’ 4:19)

Para isteri juga bertanggungjawab untuk menghormati dan mentaati suami pada perkara kebaikan (makruf) iaitu selagi suami tidak menyuruh melakukan maksiat ataupun perkara yang terlarang di sisi syarak. Sabda Rasulullah s.a.w.:⁶

إِذَا صَلَّتِ الْمَرْأَةُ خَمْسَهَا وَصَامَتْ شَهْرَهَا وَحَصَّنَتْ فَرْجَهَا وَأَطَاعَتْ زَوْجَهَا قِيلَ لَهَا ادْخُلِي
الْجَنَّةَ مِنْ أَيِّ أَبْوَابِ الْجَنَّةِ شِئْتَ

Ertinya: “Jika seorang wanita menunaikan solat lima waktu, berpuasa pada bulannya (Ramadan), memelihara kemaluannya (maruahnya) dan mentaati suaminya, (akan dikatakan kepadanya) masuklah ke dalam syurga dari mana-mana pintu yang anda kehendaki.”

Bagi kejayaan sesebuah perkahwinan, kita seharusnya bertimbang rasa terhadap kehendak-kehendak wajar pasangan kita dari aspek fizikal, emosi dan kerohanian dan tidak hanya mementingkan kehendak kita.

Kehendak-kehendak emosi termasuklah menunjukkan sikap bertimbang rasa, kebaikan dan ihsan dan menjadi seseorang yang boleh dikongsikan hal-hal rahsia dan mesra serta tetap berasa selamat kerana itu, yang tidak akan mentertawa atau mempersendakan kita tetapi mengambil berat terhadap kita. Kita harus berasa kita sebenarnya membina sesuatu bersama dan menyempurnakan sesuatu yang baik.⁷

⁶ Hadis riwayat Ibn Hibban, hadis no. 4163.

⁷ Al-Rum 30:21.

Kita juga ada kehendak kerohanian untuk berasa aman dan bahagia. Kita harus berasa aman bersama pasangan kita iaitu cara hidupnya serasi dengan etika hidup kita dan keinginan kita untuk menjalani kehidupan ini demi menyenangkan Pencipta kita dan bukan makhlukNya. Kita juga memaklumi dan menunjukkan kepada bakal pasangan hidup kita bahawa agama amat penting bagi kita dan ia bukan sekadar pemanis kata.

Perkahwinan itu perlu ditunaikan dan disantuni dengan setinggi rasa hormat dan ini amat berbeza daripada perspektif kita mengenai perkahwinan dan hubungan lain pada zaman moden ini. Rasulullah s.a.w. adalah insan yang paling baik dan paling merendah diri di kalangan manusia, apatah lagi di dalam rumah tangganya sehingga dicatatkan bahawa tiada sesiapa di kalangan ahli rumahnya perasan apabila Baginda s.a.w. memasuki sesebuah rumahnya. Hal ini menunjukkan betapa sikap merendah diri, seimbang, lemah lembut dan penyayang dijelmakan dalam perilaku Rasulullah s.a.w.

Antara tips yang boleh diamalkan juga bagi memastikan keharmonian rumah tangga adalah menghormati, berbakti dan menjaga perasaan kedua orang tua. Ini kerana doa ibu bapa membawa keberkatan dan kebahagiaan bagi pasangan suami isteri. Kemuliaan dan kedudukan ibu bapa menjadikan doa mereka tidak berhijab dengan Allah s.w.t. Kemuliaan dan kepentingan berbakti kepada mereka disebut selepas tuntutan menyembah Allah s.w.t. dan mengesakanNya:

﴿ وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا ۖ إِنَّمَا يُبَلِّغَنَّ عَنْكَ الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا أُفٍّ وَلَا تَنْهَرْهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا ٢٣ ﴾

Ertinya: "Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepadaNya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya, atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan «Ha», dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun).” (Al-Isra’ 17:23)

Sebuah perkahwinan memerlukan kerja keras; ia bukan sekadar hidup berleka-leka dan melepak setiap hari ‘menyaksikan bunga-bunga mekar’. Dalam menanam pokok bunga pun kita harus mempunyai pengetahuan dan tindakan yang betul. Kita perlu tahu jenis tanah, baja, sinar matahari dan air yang sesuai untuk memupuk benih-benih pokok tadi agar ia membesar. Hanya setelah itu bunga-bunga indah akan mekar dan memenuhi kehidupan kita dengan keindahan dan keharuman.

5. Keganasan Rumah Tangga

5.1 Maksud Keganasan Rumah Tangga

Ramai yang tidak mengetahui bahawa mereka adalah mangsa ataupun pendera. Mereka menyangka keadaan yang dialami merupakan sebahagian daripada asam garam pertelingkahan dan konflik dalam perkahwinan.⁸ Oleh itu penting untuk memahami maksud keganasan rumah tangga.

Definisi keganasan berbeza di antara sebuah negara dengan negara yang lain. Panduan ini merujuk kepada definisi yang digunakan di dalam konteks Singapura iaitu yang tertera di dalam Piagam Wanita (*Women's Charter*), seperti berikut:⁹

- Dengan sengaja atau sedar meletakkan atau cuba meletakkan seorang ahli keluarga dalam keadaan takut disakiti.
- Menyebabkan kesakitan kepada seorang ahli keluarga dengan tindakan yang diketahui akan menjadi sebab dan akibat kesakitan.
- Mengurung atau mengekang seorang ahli keluarga tanpa kerelaannya.
- Berterusan mengganggu dengan tujuan menyeksa seorang ahli keluarga, termasuk penderaan lisan, psikologi atau emosi.

Definisi ini menunjukkan bahawa keganasan rumah tangga merupakan keganasan yang berlaku kepada ahli keluarga di dalam hubungan yang sah di sisi undang-undang. Dengan demikian ia boleh berlaku kepada suami, isteri, anak-anak mahupun orang tua. Namun panduan ini memberi tumpuan kepada keganasan di kalangan pasangan suami isteri sahaja iaitu seorang suami yang mendera isteri ataupun sebaliknya. Panduan ini tidak bertujuan menyentuh secara terperinci mengenai keganasan yang berlaku kepada anak-anak mahupun orang tua. Ini kerana salah faham terhadap teks agama sering berlaku sekitar keganasan di antara suami dan isteri.


Keganasan rumah tangga juga sering berlaku di dalam sebuah lingkaran. Lenore E. Walker melakukan kajian terhadap 1,500 wanita dan mendapati penderaan boleh berlaku di dalam lingkaran yang dinamakan 'lingkaran keganasan' (*'cycle of violence'*).¹⁰ Ia bermula dengan ketegangan dan

⁸ Halket, Megan Mcpherson; Gormley, Katelyn; Mello, Nicole; Rosenthal, Lori; Mirkin, Marsha Pravder. "Stay or Leave the Abuser? The Effects of Domestic Violence Victim's Decision on Attributions Made by Young Adults", *Journal of Family Violence*. 29 (2013) 35-49.

⁹ "Family Violence Bill", laman sesawang Singapore Statutes online, diperolehi pada 14 Oktober 2021, <https://sso.agc.gov.sg/Bills-Supp/36-1995/Published/19951006?DocDate=19951006>

¹⁰ Bonnie S. Fisher; Steven P. Lab, *Encyclopedia of Victimology and Crime Prevention*. (SAGE Publication, 2020), 257.

pendera akan mula berasa marah sehingga tidak dapat mengawal emosi. Luapan emosi yang tidak terkawal kemudian membawa kepada penderaan. Pada fasa ini pendera ingin menunjukkan kuasa. Setelah fasa ini berakhir, pendera mula meminta maaf dan mewajarkan (*justify*) tindakannya dan menyalahkan mangsa serta berjanji bahawa perkara tersebut tidak akan lagi berlaku.



5.2 Jenis-jenis Penderaan

Penderaan tidak hanya terhad kepada penderaan fizikal yang meninggalkan bekas yang nyata ataupun yang boleh dilihat dengan mata kasar tetapi ia juga meliputi penderaan yang melibatkan emosi dan mental. Ia boleh berlaku dengan pelbagai cara termasuklah dari sudut kata-kata, tingkah laku, menakut-nakutkan mahupun serangan secara seksual oleh orang-orang yang dikenali mangsa.



5.2.1 Penderaan Fizikal

Apabila disebut keganasan, kita sering terbayangkan gejala pukul bantai, luka, bengkok dan parut di badan dan muka. Contoh penderaan fizikal ialah menampar, menumbuk, menolak, mencekik, menendang dan memukul. Ini merupakan keganasan fizikal yang ditegah dan dilarang di dalam

ajaran Islam. Selain dari suruhan untuk melayani pasangan dengan baik seperti yang dikemukakan di dalam ayat al-Quran sebelum ini, Islam juga memerintahkan orang beriman agar berkasih sayang dan tidak menyakiti orang lain. Sebagai contoh, firman Allah s.w.t.:

وَأَبْتَغِ فِيمَا آتَاكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ ۖ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا ۚ وَأَحْسِنَ كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ ۖ وَلَا تَبْغِ الْفُسَادَ فِي الْأَرْضِ ۚ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ ﴿٧٧﴾

Ertinya: “Dan tuntutlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmat-Nya yang melimpah-limpah); dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan.” (Al-Qasas 28:77)

5.2.2 Penderaan Emosi dan Psikologi

Penderaan dari sudut emosi dan psikologi juga merupakan di antara keganasan rumah tangga yang tidak seharusnya berlaku. Penderaan ini boleh berlaku dalam pelbagai bentuk termasuk penderaan secara lisan (seperti menghina dan melontarkan kata-kata kesat kepada pasangan, ibu bapa ataupun anak-anak sehingga mengurangkan harga diri), mengancam dan pengawasan secara tetap (*constant surveillance*). Pengawasan ini boleh membawa kepada mengurung pasangan, orang tua ataupun kanak-kanak di dalam rumah dan tidak membenarkannya keluar.

Walaupun penderaan jenis ini susah untuk dikenal pasti dan dibuktikan, namun ia mempunyai kesan yang mendalam kepada mangsa. Kata-kata kesat dan memaki hamun yang berlarutan misalnya bukan sahaja menghakis kepercayaan diri seseorang bahkan dalam sesetengah keadaan ia boleh membawa kepada tekanan jiwa dan menjejaskan kesihatan mental.¹¹

5.2.3 Penderaan Kewangan

Penderaan jenis ini juga tidak mudah untuk dikesan dan dibuktikan. Walaupun begitu ia turut memberi tekanan baik dari sudut mental, emosi mahupun kewangan. Antara contoh penderaan kewangan termasuklah mengawal dan menghalang mangsa dari mendapatkan akses kepada kewangannya sendiri seperti menyimpan kad ATM pasangan dan orang tua serta menghalang

¹¹ Charles P. Mouton, Rebecca J. Rodabough, Susan L. D. Rovi, Robert G. Brzyski and David A. Katerndahl, “Psychological Effects of Physical and Verbal Abuse in Postmenopausal Women” *The Annals of Family Medicine* 8 (May 2010), 206-213.

mereka dari menggunakannya. Ada juga yang sering berhutang sehingga pasangan atau orang tua terpaksa menanggung hutang tersebut. Contoh lain misalnya memaksa mangsa untuk memberi atau meminjamkan wang (dalam jumlah yang besar) tanpa rela, menggunakan wang atau mengambil pinjaman melalui bank mangsa tanpa pengetahuan mangsa. Hal ini boleh menyebabkan mangsa terpaksa menghadapi masalah hutang ataupun 'hutang yang dipaksa' (*coerced debt*). Dalam kajian yang dilakukan oleh Michigan State University kepada 1,823 wanita yang membuat panggilan ke talian *National Domestic Violence*, menunjukkan 52% daripada responden mengalami 'coerced debt'.¹²

5.2.4 Pengabaian

Pengabaian juga merupakan penderaan. Mengabaikan pasangan, ibu bapa dan anak-anak boleh berlaku sekiranya keperluan asas mereka seperti makan minum, tempat berteduh dan rawatan kesihatan tidak disediakan.¹³

5.3 Apa yang Perlu Diperhatikan atau Bagaimana Mengetahui Jika Diri Anda atau Seseorang itu Tergolong dalam Perhubungan yang Terdera?

Seperti yang dinyatakan lebih awal, agak mudah mengenal pasti penderaan fizikal kerana ia mungkin meninggalkan lebam, kecederaan, terseliuh atau tanda-tanda fizikal lain. Penderaan jenis lain mungkin lebih rumit dikenal pasti.

Penting juga diketahui bahawa seseorang yang terlibat dalam perhubungan yang terdera mungkin mengalami satu atau dua tanda. Walaupun mungkin ini sekadar simptom dan tidak semestinya menunjukkan adanya penderaan, penting untuk kita mengenal pasti tanda-tanda ini agar membolehkan kita bertindak sewajarnya.

Tanda-tanda ini mungkin juga berbeza kerana penderaan rumah tangga menjejaskan seseorang dengan cara berlainan. Di bawah ini terdapat beberapa contoh daripada Bangsa-bangsa Bersatu dan Pave:¹⁴

¹² Adrienne E. Adams, Angela K. Littwin, McKenzie Javorka, "The Frequency, Nature, and Effects of Coerced Debt Among a National Sample of Women Seeking Help for Intimate Partner Violence", *Violence Against Women* 26, 11 (2019), 1324-1342.

¹³ Goh Lee Gan, "Spousal Violence and Child Witnesses", "Management of Child Abuse in Singapore", Pang Jonathan, "Management of Elder Abuse and Neglect", *The Singapore Family Physician* 37 (January – March 2011).

¹⁴ UN Women, "Frequently Asked Questions: The Signs of Relationship Abuse and How to Help", laman sesawang UNWOMEN, diperolehi pada 28 Oktober 2021, <https://www.unwomen.org/en/what-we-do/ending-violence-against-women/faqs/signs-of-abuse>, Pave, "How do I know if I am in an Abusive Relationship", laman sesawang PAVE, diperolehi pada 28 Oktober 2021, <https://www.pave.org.sg/> dan United Nations, "What is Domestic Abuse", laman sawang United Nations, diperolehi pada 28 Oktober 2021, <https://www.un.org/en/coronavirus/what-is-domestic-abuse>

- Pasangan sering terlalu cemburu dan keterlaluan mahu ‘memiliki’ anda untuk dirinya sahaja.
- Tindakan dan pergerakan kerap dikawal. Misalnya panggilan telefon dijejak dan keberadaan dipantau.
- Tidak dibenarkan menggunakan akaun bank tanpa sebarang sebab yang munasabah.
- Seringkali berasa bimbang dan takut kerana pasangan atau penjaga sering mengalami kemarahan yang meluap-luap dan mempunyai masalah mengawal emosi. Keadaan anda bagaikan keadaan telur di hujung tanduk.
- Sering disalahkan.
- Anda mungkin mengalami rasa harga diri yang rendah dalam perhubungan ini. Hal ini disebabkan pasangan atau penjaga anda selalu merendahkan anda misalnya dengan kerap mengkritik, menghina, mengejek dan memalukan anda.
- Memulaukan atau mengasingkan diri dari orang lain.
- Kekurangan keperluan asas seperti kebersihan, makanan dan minuman. Persekitaran yang boleh membahayakan. Bagi sesetengah warga tua, mungkin mengalami luka dan ulser hasil sering ditinggalkan tanpa penjagaan.

5.4 Apa yang Perlu Dilakukan?

Perkara ini boleh ditangani dan dibendung bersama. Mangsa tidak perlu berasa bersendirian dalam menghadapi keganasan kerana kini terdapat banyak bantuan yang boleh dimanfaatkan selain memohon bantuan daripada Allah s.w.t. (Rujuk lampiran B bagi anjuran amalan yang boleh dilakukan)

5.4.1 Mangsa Penderaan

Bagi mangsa, perkara pertama adalah untuk menyedari penderaan bukanlah sesuatu yang boleh diambil ringan. Ia perlu ditangani segera sebelum ia berulang ataupun bertambah buruk.

Mangsa penderaan dinasihati agar tidak menanggung kesulitan ini bersendirian. Mangsa boleh mendapatkan bantuan daripada orang yang dipercayai, terutama ibu bapa ataupun ahli keluarga.

Setelah itu, mangsa perlu mengumpulkan bukti penderaan dan mendapatkan bantuan dengan melaporkan kepada pihak polis atau mendapatkan bantuan melalui bantuan Antikeganasan Nasional

(NAVH) di talian 1800 777 0000 ataupun berjumpa doktor dan mendapatkan khidmat kaunseling serta nasihat daripada asatizah yang diiktiraf di bawah skim ARS. Selain itu, mangsa juga boleh mendapatkan perlindungan seperti 'Perintah Perlindungan Peribadi' (Personal Protection Order).¹⁵ Sila rujuk Lampiran A bagi senarai talian yang boleh dihubungi.

5.4.2 Pelaku

Apabila menyedari anda berasa terlalu marah atau telah mendera pasangan, anda perlu meninggalkan tempat tersebut untuk menenangkan diri. Anda tidak seharusnya berpaling kepada bahan yang diharamkan untuk mencari ketenangan.

Di dalam Islam kita diajar untuk mengawal kemarahan dan Rasulullah s.a.w. juga menitipkan pesanan yang boleh diamalkan bagi meredakan kemarahan.

Pertama, Rasulullah s.a.w. mengajar kita untuk menukar kedudukan - duduk sekiranya kita sedang berdiri dan berbaring sekiranya sedang duduk. Sabda Rasulullah s.a.w.:¹⁶

إِذَا غَضِبَ أَحَدُكُمْ وَهُوَ قَائِمٌ فَلْيَجْلِسْ فَإِنْ ذَهَبَ عَنْهُ الْغَضَبُ وَإِلَّا فَلْيُضْطَجِعْ

Ertinya: "Apabila salah seorang daripada kamu sedang marah dan dia sedang berdiri, hendaklah dia duduk. Sekiranya kemarahannya hilang, maka itu adalah baik. Jika tidak, hendaklah dia berbaring."

Kedua, kita digalakkan untuk mengambil wuduk. Sabda Rasulullah s.a.w.:¹⁷

إِنَّ الْغَضَبَ مِنَ الشَّيْطَانِ وَإِنَّ الشَّيْطَانَ خُلِقَ مِنَ النَّارِ وَإِنَّمَا تُطْفَأُ النَّارُ بِالْمَاءِ فَإِذَا غَضِبَ أَحَدُكُمْ فَلْيَتَوَضَّأْ

Ertinya: "Sesungguhnya kemarahan itu datang daripada syaitan, dan sesungguhnya syaitan itu dicipta daripada api, dan api hanya dapat dipadamkan dengan air, maka jika salah seorang daripada kamu sedang marah, hendaklah dia berwuduk."

¹⁵ *Personal Protection Order* (PPO) merupakan perintah yang dikeluarkan dari Mahkamah untuk melindungi mangsa. Ia menahan dan mengekang pendera dari melakukan keganasan. Mangsa ataupun ahli keluarga perlu membuktikan kekerasan atau penderaan yang berlaku dan sebab ia diperlukan. Rakyat Singapura boleh memohon PPO untuk melindungi diri sendiri, anak-anak di bawah usia 21 tahun ataupun ahli keluarga kurang upaya.

¹⁶ Hadis riwayat Abu Daud, Kitab al-Adab, hadis no. 4782.

¹⁷ Hadis riwayat Abu Daud, Kitab al-Adab, hadis no. 4784.

Ketiga, berdiam ketika marah adalah lebih baik dan selamat. Ini akan menghindarkan diri kita daripada mengeluarkan perkataan yang mungkin boleh mendatangkan penyesalan. Sabda Baginda s.a.w.:¹⁸

وَإِذَا غَضِبَ أَحَدُكُمْ فَلْيَسْكُتْ

Ertinya: “Dan jika salah seorang daripada kamu berasa marah, maka hendaklah berdiam.”

Selain itu, bagi mencegah atau menghentikan kitaran keganasan ini, pelaku dinasihati agar mendapatkan bantuan kaunseling dan khidmat professional bagi mengurus kemarahan dan juga bagi memperbaiki hubungan dan komunikasi di antara suami dan isteri. Pelaku juga perlu mendekatkan diri dengan agama melalui ibadah serta kelas-kelas agama bersama asatizah yang bertauliah.

5.4.3 Pemerhati yang Mengesyaki Penderaan

Pemerhati yang menyaksikan atau mengesyaki kes penderaan pula bertanggungjawab membantu dan tidak menyepikan diri. Membantu, menyelamatkan mangsa penderaan dan menghalang kezaliman adalah tanggungjawab keagamaan. Mangsa penderaan mungkin tidak mendapatkan bantuan dan ini boleh memburukkan lagi keadaan. Sabda Rasulullah s.a.w.:¹⁹

انْصُرْ أَخَاكَ ظَالِمًا أَوْ مَظْلُومًا. قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ هَذَا نَنْصُرُهُ مَظْلُومًا فَكَيْفَ نَنْصُرُهُ ظَالِمًا
قَالَ. تَأْخُذُ فَوْقَ يَدَيْهِ

Ertinya: “Tolonglah saudaramu yang zalim mahupun yang dizalimi. Para sahabat lalu berkata, wahai Rasulullah kami membantu orang yang dizalimi, bagaimana pula kami membantu orang yang zalim? Baginda s.a.w. menjawab: Engkau mencegah dia dari menzalimi orang lain.”

Pertama sekali, keluarga terutama ibu bapa memainkan peranan yang penting di dalam mencegah serta membantu anak yang terlibat dalam keganasan rumah tangga. Bapa pula adalah wali yang masih lagi bertanggungjawab untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan anaknya. Oleh itu ibu bapa dan ahli keluarga dinasihati agar sentiasa bertanya khabar anak dan adik beradik. Anak-anak juga dinasihati agar kerap menziarah ibu bapa agar sentiasa peka dengan masalah atau kesusahan yang dihadapi oleh ibu bapa. Sekiranya didapati tanda-tanda penderaan, ahli keluarga

¹⁸ Hadis riwayat al-Bukhari, nama kitab dan nombor hadis.

¹⁹ Hadis riwayat al-Bukhari, Kitab al-Mazalim, no. 2444.

boleh berusaha untuk memperbaiki keadaan dengan berbincang bersama dan menunjukkan keprihatinan.

Di samping itu, pemerhati juga boleh menghubungi talian NAVH ataupun melaporkan kepada polis serta menunjukkan keprihatinan kepada mangsa seperti mendengar masalah dan luahan perasaannya dengan ikhlas. Kita juga boleh mengajak dan menemani mangsa untuk bertemu doktor atau ke balai polis bagi membuat laporan, selain berkongsi dengannya adanya beberapa saluran bantuan.

Sebagai peringatan, sebelum menghulurkan bantuan, pemerhati dinasihatkan agar memastikan keselamatan dirinya dan mangsa.


6. Merungkai Salah Faham Masyarakat Berkaitan Keganasan Rumah tangga dalam Islam

6.1 Kefahaman Mengenai *Nusyuz* dan *Dharb*

Keadaan semakin rumit apabila terdapat salah faham di kalangan umat Islam tentang kebenaran bagi suami memukul isteri yang *nusyuz*. Malah terdapat sebahagian kecil daripada asatizah yang membawa naratif seolah-olah al-Quran menganjurkan para suami mendidik isteri yang *nusyuz* dengan cara memukul.²⁰ Walaupun pesanan untuk melakukannya dengan cara yang lembut merupakan pendapat yang diakui oleh para ulama, namun apabila disampaikan dengan cara yang kurang berhikmah, ia boleh membawa kepada silap faham bahawa Islam menggalakkan keganasan dalam rumah tangga.

6.1.1 *Nusyuz* Menurut Pandangan Ulama

Berbeza dengan tanggapan umum, *nusyuz* (derhaka) menurut Islam sebenarnya terbahagi kepada dua; *nusyuz* isteri dan juga *nusyuz* suami.



²⁰ Mohd Zaid Isahak, "Cara Urus Isteri Degil", laman sesawang Berita Harian, diperolehi pada 12 Oktober 2021, <https://www.beritaharian.sg/hidayah/cara-urus-isteri-degil>

Tafsiran *nusyuz* bagi isteri dari kaca mata para ulama, kesemuanya berlegar dalam maksud isteri yang tidak mematuhi perintah Allah s.w.t., tidak taat kepada suami mahupun derhaka kepada suami. Sekalian pendapat yang disebutkan tadi merujuk kepada firman Allah s.w.t.:

وَالَّتِي تَخَافُونَ نُشُوزَهُنَّ فَعِظُوهُنَّ وَأَهْجُرُوهُنَّ فِي الْمَضَاجِعِ وَأَضْرِبُوهُنَّ

Ertinya: "Dan perempuan-perempuan yang kamu bimbang melakukan perbuatan derhaka (nusyuz) hendaklah kamu menasihati mereka, dan (jika mereka berdegil) pulaukanlah mereka di tempat tidur, dan (kalau juga mereka masih degil) pukulah mereka (dengan pukulan ringan yang bertujuan mengajarnya)." (Al-Nisa' 4:34)

Kebanyakan ulama Tafsir seperti Al-Tabari, Al-Qurtubi, Ibn Kathir serta Al-Zuhayli dan lain-lain memahami *nusyuz* dengan erti yang tidak lari daripada maksud ketidaktaatan para isteri terhadap suami. Ini meliputi sebab tidak mematuhi perintah yang diwajibkan Allah s.w.t. ke atas mereka atau tidak melaksanakan tanggungjawab sebagai isteri. Ia termasuklah berlaku kasar terhadap suami atau tidak memberikan layanan batin kepada suami.²¹

Berbeza dengan tanggapan umum, *nusyuz* dalam al-Quran bukan hanya eksklusif terhadap isteri sahaja, ia berlaku terhadap para suami juga. Ini disebutkan dalam Al-Quran:

وَإِنْ أُمْرَأَةٌ خَافَتْ مِنْ بَعْلِهَا نُشُوزًا أَوْ إِعْرَاضًا
فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا أَنْ يُصْلِحَا بَيْنَهُمَا صُلْحًا وَالصُّلْحُ خَيْرٌ

Ertinya: "Dan jika seorang perempuan bimbang akan timbul daripada suaminya "nusyuz" (kebencian), atau tidak melayaninya, maka tiadalah salah bagi mereka (suami isteri) membuat perdamaian di antara mereka berdua (secara yang sebaik-baiknya), kerana perdamaian itu lebih baik (bagi mereka daripada bercerai-berai)." (Al-Nisa' 4:128)

Nusyuz suami menurut para ulama berlaku apabila suami tidak dapat menjalankan tanggungjawabnya bagi memenuhi keperluan isteri. Keperluan-keperluan ini seperti keperluan untuk berhubungan baik dengan isteri, memenuhi kepuasan seksual, memberi pendidikan agama dan tidak menghina serta

²¹ Muhammad Ibn Ahmad Al-Qurtubi, Al-Jami' Li Ahkam Al-Quran, ed. Dr. `Abd Allah bin `Abd Al-Muhsin Al-Turki et al, (Damascus: Muassasah Al-Risalah, 2006), 6:285. Ismail Ibn Umar Ibn Kathir, Tafsir Al-Qur'an Al-'Azim, Muhammad Husayn Sham Al-Din (ed.), (Beirut: Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah, 1998), 2:492. Wahbah Al-Zuhayli, Al-Fiqh Al-Islami Wa Adillatuh, (Beirut: Dar Al-Fikr, 1989), 7:338.

mengasari isteri. Selain itu, mengabaikan isteri dengan tidak memberi nafkah, menyakitinya dengan memaki hamun atau memukulnya juga termasuk dalam *nusyuz* suami.²²

Dengan itu, *nusyuz* isteri dan suami ini seperti yang dirumuskan oleh Al-Zuhayli adalah ketidakpatuhan salah satu pasangan terhadap apa yang seharusnya dipatuhi. Begitu juga dalam perkara suami dan isteri tidak mengikut aturan-aturan yang telah diikat oleh perjanjian yang terjalin dengan sebab ikatan perkahwinan tanpa alasan yang dibenarkan oleh syarak.²³

6.1.2 *Dharb* Menurut Pandangan Ulama

Menurut para ulama Tafsir seperti Ibn Kathir dan Al-Qurtubi, tafsiran lafaz *dharb*²⁴ ayat 34 surah *Al-Nisa'* bermaksud pukulan yang tidak mencederakan selepas langkah-langkah mendidik suami terhadap isteri sebelumnya tidak memberikan sebarang kesan.²⁵ Dalam hal ini, para ulama meletakkan beberapa syarat tambahan seperti pukulan tersebut bukan sahaja tidak sampai mencederakan tetapi juga tidak berbekas dan tidak boleh terhadap anggota muka atau bahagian anggota yang sensitif dan lembut seperti muka.²⁶ Darul Ifta' Mesir juga menegaskan pukulan tersebut tidak boleh dilakukan bagi tujuan menghina mahupun merendahkan pasangan.²⁷ Ini berbeza dengan keganasan rumah tangga apabila pasangan dipukul sehingga cedera dan berlaku akibat tidak dapat mengawal emosi dan kemarahan.

Namun terdapat juga pendapat sarjana Islam yang tidak menyetujui tafsiran *dharb* dengan erti pukulan. Mereka sebaliknya mentafsirkan semula ayat tersebut dengan tafsiran yang lebih adil dan seimbang selari dengan apa yang dianjurkan oleh Nabi s.a.w.

Para ulama telah menetapkan bahawa sebarang interpretasi semula ayat al-Quran perlulah kepada tafsir yang menyeluruh antara konteks logik dan syara'. Ia mengambil kira penelitian semula hikmah di sebalik syara', konteks serta nilai-nilai yang terkandung di dalam al-Quran. Dalam hal ini, pentafsiran semula mengambil kira nilai dan ajaran di dalam al-Quran yang menyuruh para suami untuk melayani isteri dengan *makruf* ataupun baik serta melarang dari mencederakan dan memberi mudarat kepada orang lain. Dengan ini, ia perlulah kepada pemahaman yang sesuai dengan prinsip syariah berdasarkan al-Quran dan sunah Rasulullah s.a.w., sirah nabawiyah dan sejarah hidup para

²² Ibid., 5:422.

²³ Al-Zuhayli.

²⁴ Dari segi Bahasa ia boleh bermaksud pukul, mencetak, gigit atau sengat, berdegup, keluar, menahan, beku, menyifatkan dan panjang.

²⁵ Al-Qurtubi, Ibn Kathir.

²⁶ Muhammad 'Imarah, *Haqaiq Wa Shubhat Hawla Makanat al-Mar'ah Fi al-Islam*, (Kaherah: Dar al-Salam, 2010), 171.

²⁷ Dar Al-Ifta' Al-Misriyyah, "I am Pregnant and My Husband Beats Me Up. Is He Allowed to Hurt Me?", laman sesawang Dar Al-Ifta' Al-Misriyyah, diperolehi pada 17 Oktober 2022, <https://www.dar-alifta.org/Foreign/ViewFatwa.aspx?ID=6834>

sahabat. Malah sebaik-baik pemahaman al-Quran ialah dengan mengkaji semula akan akhlak Rasulullah s.a.w. bersama para isteri.²⁸

Bersandarkan anjuran ini, terdapat juga para sarjana Islam mutakhir yang berpandangan bahawa *dharb* di sini bukan bermaksud pukulan tetapi membawa maksud umum bagi kalimah *dharb* mengikut *siyaq* al-Quran²⁹ iaitu memutuskan hubungan, memisahkan, meninggalkan dan menjauhkan.³⁰ Ini mengambil kira anjuran sunah ketika Nabi s.a.w. memisahkan dirinya dari kediaman para isterinya. Inilah pilihan yang paling ekstrem namun berhikmah dilakukan Nabi s.a.w., dan bukan dengan cara pukulan atau dengan sesuatu yang menyakitkan fizikal isteri-isterinya.³¹

Makna perpisahan ini adalah lebih utama dan sesuai daripada tafsiran makna pukulan yang membawa maksud kesakitan, kecederaan fizikal dan kekerasan. Kesemua maksud tersebut jauh daripada maksud perhubungan mesra suami isteri atau jalinan kasih sayang antara kedua suami isteri.³²

6.1.3 Anjuran untuk Tidak Memukul Adalah Lebih Sesuai

Tanpa menafikan pandangan majoriti ulama yang cenderung kepada keharusan memukul isteri yang *nusyuz* sebagai usaha mendidik, adalah penting untuk kita memahami pandangan ini di samping menghayati didikan Rasulullah s.a.w. serta akhlak Baginda s.a.w. bersama isteri.

Baginda s.a.w. tidak pernah mendidik isteri dengan cara memukul kecuali memadai dengan sekadar memisahkan dirinya dari kediaman para isterinya sahaja. Kecuali semasa terlibat dalam peperangan menegakkan agama, Rasulullah s.a.w. tidak pernah menggunakan kekerasan. Dilaporkan daripada Aisha r.a.: “Rasulullah s.a.w. tidak pernah memukul sesiapa pun dengan tangannya, baik seorang wanita atau seorang pembantu, kecuali apabila Baginda berjihad di jalan Allah.”³³

²⁸ Ibid.

²⁹ *Siyaq* adalah indikator yang digunakan untuk menetapkan makna yang dimaksudkan oleh pembicara atau susunan kata. Ia adalah bingkai yang di dalamnya terkandung unsur-unsur teks dan kesatuan kebahasaan yang berfungsi menghubungkan, bukan sahaja kata, tetapi juga rangkaian kalimat serta situasi dan kondisi yang menyertainya, lalu dari himpunan keseluruhan unsur tersebut ditemukan oleh pembaca dan pendengar teks, makna atau idea yang dimaksud oleh teks. Sila lihat M. Quraish Shihab, *Kaidah Tafsir: Syarat, Ketentuan dan Aturan Yang Patut Anda Ketahui Dalam Memahami Al-Quran*. (Jakarta: Penerbit Lentera Hati, 2013), 253-254.

³⁰ Muhammad Tahir Bin ‘Ashur, *Tafsir al-Tahrir wa al-Tanwir*, (Tunis: Al-Dar al-Tunisia li al-Nasyr, 1984), 43. Dr ‘Abd al-Hamid Abu Sulayman, *Dharb al-Mar’ah: Wasilah Khilafat al-Zawjiyyah*, (Virginia: International Institute of Islamic Thought, 2002), 26.

³¹ Ibid, 29.

³² Ibid, 30.

³³ Hadis riwayat Muslim, *Riyad al-Salihin*, Kitab al-Muqaddimat, no. 643.

Demikianlah akhlak Nabi s.a.w. terhadap para isterinya yang merupakan sebaik-baik pentafsiran terhadap konteks pukulan dalam Al-Quran kerana akhlak Nabi s.a.w. itulah al-Quran.

Sebaliknya dalam segala konflik rumah tangga perlulah dinilai kembali kesilapan dan kekurangan masing-masing dalam hal rumah tangga secara menyeluruh iaitu meliputi tanggungjawab kedua-duanya sekali. Sebarang konflik rumah tangga tidak tertumpu kepada soal ketaatan isteri kepada suami sahaja tetapi juga tanggungjawab seorang suami terhadap isteri yang perlu dipenuhi. Pasangan juga perlu mengambil berat setiap keluhan pasangan masing-masing. Sebarang salah faham, perselisihan pendapat dan pertelingkahan secara kerap merupakan antara tanda-tanda terdapat masalah komunikasi di antara pasangan. Dalam hal ini, penting untuk setiap pasangan bersikap toleransi dan menerima perbezaan pandangan antara keduanya. Jika perkara ini berterusan, maka pasangan perlu mendapatkan bantuan daripada pihak ketiga seperti kaunselor keluarga dengan segera.

Pastinya, keganasan rumah tangga sama sekali dilarang dalam Islam. Tiada langsung keizinan memukul sehingga mencederakan, tamparan di muka, menendang atau sebagainya. Ini merupakan pandangan yang dipersetujui oleh seluruh ulama Islam.

6.2 Hadis yang Disalahfaham

Selain berpuncakan aspek sikap dan keperibadian, keganasan keluarga seringkali dipengaruhi oleh kekeliruan dalam memahami teks-teks agama. Beberapa hadis sering digunakan untuk membenarkan keganasan atau menghalang mangsa memperjuangkan haknya. Kekeliruan tersebut kebanyakannya berpunca daripada mengabaikan kaedah yang tepat dalam memahami kandungan hadis.

Selari dengan fungsi Rasulullah s.a.w. sebagai penjelas al-Quran, hadis mesti selalu difahami selari dengan prinsip al-Quran.³⁴ Al-Quran menetapkan bahawa tujuan utama perkahwinan ialah mewujudkan ketenangan (*sakinah*), rasa cinta (*mawaddah*) dan belas kasihan (*rahmah*).

Dengan penjelasan sebelum ini juga, kita memahami bahawa sikap kasar dan ganas bertentangan dengan tujuan utama perkahwinan yang bermatlamat menghasilkan sakinah, mawaddah dan rahmah. Justeru, semua hadis yang berkaitan dengan perkahwinan dan perhubungan antara suami dan isteri mesti difahami selari dengan semua prinsip di atas.

³⁴ Berkenaan kepentingan membandingkan kandungan hadis dengan al-Quran, sila rujuk Yusuf al-Qaradawi, *Kayfa Nata'amal ma' al-Sunnah al-Nabawiyyah* (Kaherah: Dar al-Shuruq, 2002), 113.

6.2.1 Sujud kepada Suami

Sesetengah suami mewajarkan keganasan dengan hadis yang memerintahkan isteri agar sujud kepada suami. Hadis ini menurut fahaman sesetengah pihak menunjukkan bahawa suami mempunyai kuasa untuk melakukan apa sahaja kepada isteri. Hadis tersebut diriwayatkan menerusi beberapa jalur sanad yang mengandungi kecacatan dalam sanadnya. Sanad yang paling kuat diriwayatkan oleh al-Tirmidhi menerusi Muhammad bin 'Amr daripada Abu Salamah daripada Abu Hurairah bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

لَوْ كُنْتُ أَمِيرًا أَحَدًا أَنْ يَسْجُدَ لِأَحَدٍ لَأَمَرْتُ الْمَرْأَةَ أَنْ تَسْجُدَ لِزَوْجِهَا

Ertinya: “Sekiranya aku boleh memerintahkan seorang manusia untuk bersujud kepada manusia, nescaya aku akan memerintahkan isteri bersujud kepada suaminya.”³⁵ Al-Tirmidhi menilai hadis ini sebagai “hasan gharib”.

Secara sepintas lalu hadis ini seolah-olah menunjukkan bahawa kedudukan isteri tidak lebih daripada seorang hamba atau orang upahan. Pandangan ini tentu sahaja tidak tepat dan tidak selari dengan prinsip al-Quran seperti pasangan suami isteri saling lengkap-melengkapi³⁶, suami pemelihara yang menjamin kesejahteraan keluarga³⁷ serta isteri membantu dan menyokong suami dalam mengemudi bahtera kehidupan³⁸. Justeru, hadis ini tidak boleh difahami secara terpisah daripada hadis-hadis lain dalam tema yang sama.

Hadis ini sebenarnya hanyalah satu episod daripada serangkaian nasihat Nabi s.a.w. kepada suami dan isteri. Dengan hadis ini, Rasulullah s.a.w. seolah-olah mendidik kedua-dua pasangan untuk menghargai pasangannya. Isteri wajib menzahirkan penghormatan kepada suami sebagaimana suami wajib menyediakan semua keperluan hidupnya. Dengan begitu, rumah tangga akan dipenuhi dengan kecintaan dan harmoni.³⁹

Hadis ini perlu diiringi dengan pelbagai hadis lain yang mengandungi peringatan tentang pelbagai tanggungjawab yang wajib digalas oleh suami. Selain hak nafkah dan mahar, hak isteri adalah disantuni dengan lembut dan penuh penghormatan. Mu'awiyah bin Haydah pernah bertanya: “Wahai Rasulullah s.a.w., apakah hak isteri kepada kami?” Baginda s.a.w. menjawab: “Kamu

³⁵ Hadis riwayat al-Tirmidhi, Kitab al-Raḍā'(susunan), no. 1079.

³⁶ Al-Baqarah 2:187.

³⁷ Al-Nisaa 4:34.

³⁸ Ibid.

³⁹ Said Ramadan al-Buti, *al-Mar'ah bayna Tughyan al-nizam al-gharbi wa lata'if al-tashri' al-rabbani* (Damsyik: Dar al-Fikr al-Mu'asir, 2005), 180.

mesti memberinya makan apabila kamu makan. Kamu mesti memberinya pakaian apabila kamu berpakaian. Jangan memukul wajahnya, jangan mengatakannya hodoh, dan jangan memulaukannya melainkan di dalam rumah sahaja.”⁴⁰ Selain itu, Baginda s.a.w. turut mengajarkan suami untuk bersabar dengan kerenah isteri dan selalu menampilkan sikap berlembut kepadanya. Rasulullah s.a.w. bersabda: “Sebaik-baik manusia adalah orang yang paling mulia akhlaknya. Dan manusia yang terbaik di antara kamu adalah orang yang terbaik kepada isterinya.”⁴¹

Meskipun wajib patuh kepada suami, namun kepatuhan itu terhad pada perkara yang dihalalkan oleh agama. Sekiranya suami memerintahkan untuk melakukan perkara haram atau maksiat, maka isteri berhak mengabaikan perintahnya. Rasulullah s.a.w. bersabda: “Tiada kepatuhan kepada makhluk untuk bermaksiat kepada Tuhan.”⁴² Aisha r.a. menceritakan bahawa pada suatu hari seorang perempuan Ansar datang kepada Nabi s.a.w. dan mengatakan bahawa suaminya menyuruhnya menyambung rambut. Baginda s.a.w. bersabda: “Allah melaknat orang yang menyambung rambut dan yang meminta menyambungkannya.”⁴³ Ibn Hajar berkata: “Sekiranya suami mengajaknya untuk melakukan maksiat, maka isteri boleh menolak. Sekiranya suami menghukumnya atas keengganan tersebut, maka dia berdosa.”⁴⁴

6.2.2 Laknat Malaikat kepada Isteri yang Menolak Ajakan Suami

Sesetengah pihak berhujah dengan menggunakan hadis ini untuk kepentingan peribadinya. Hadis tersebut diriwayatkan oleh Abu Hurairah bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

إِذَا دَعَا الرَّجُلُ امْرَأَتَهُ إِلَى فِرَاشِهِ فَأَبَتْ فَبَاتَ غَضَبَانَ عَلَيْهِمَا لَعَنَتَهَا الْمَلَائِكَةُ حَتَّى تُصْبِحَ

Ertinya: “Apabila seorang suami memanggil isterinya ke tempat tidur, namun dia menolak untuk datang sehingga suaminya marah, malaikat melaknatnya hingga pagi.”⁴⁵

Dalam riwayat Muslim: “Demi yang jiwaku berada di tangan-Nya, tidaklah seorang suami memanggil isterinya ke tempat tidur namun dia menolaknya melainkan yang berada di langit murka kepadanya hingga suaminya memaafkan.”⁴⁶

Kedua-dua hadis di atas disepakati kesahihannya oleh ahli hadis. Hadis ini secara umumnya

⁴⁰ Hadis riwayat Ibn Majah, Kitab al-Nikah, no. 1850.

⁴¹ Hadis riwayat al-Tirmidhi, Riyad al-Salihin, Kitab al-Muqaddimat, no. 627.

⁴² Hadis riwayat al-Bukhari, Kitab Akhbar al-Ahad, no.7257. Muslim, Sahih Muslim, Kitab al-Imarah, no. 1840a.

⁴³ Hadis riwayat al-Bukhari, Kitab al-Libas, no.5940. Hadis riwayat Muslim, Kitab al-Libas wa al-Zinah, no. 2122a.

⁴⁴ Ahmad bin ‘Ali bin Hajar al-‘Asqalani, *Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Bukhari* (Beirut: Dar al-Ma’rifah, tt.), 9:304.

⁴⁵ Hadis riwayat al-Bukhari, Kitab al-Nikah, no.5193. Hadis riwayat Muslim, Kitab al-Nikah, no. 1436d.

⁴⁶ Hadis riwayat Muslim, Kitab Al-Nikah, no. 1436c.

menekankan hak suami yang mesti ditunaikan oleh isteri. Tiada khilaf dalam kalangan ulama bahawa isteri diharamkan menolak ajakan suami yang memanggilnya ke tempat tidur. Ibn Abi Jamrah mengaitkan hadis ini dengan realiti bahawa kaum lelaki tidak mampu menahan syahwat seperti kaum perempuan. Apabila keinginan seksual datang, syahwat ini akan terus mengacaukan mindanya sehingga disalurkan dengan cara yang halal.⁴⁷

Berkenaan perkara ini, hadis lain menyebutkan: “Sesungguhnya perempuan menghadap dalam bentuk syaitan dan berpaling dalam bentuk syaitan. Jika salah seorang kamu melihat perempuan dan tertarik kepadanya, maka datangilah isterinya. Sesungguhnya dia memiliki apa-apa yang terdapat pada perempuan itu.”⁴⁸ Maksud “perempuan menghadap dalam bentuk syaitan” ialah memandang perempuan yang cantik dapat mencetuskan syahwat di hati kaum lelaki.⁴⁹

Bagaimanapun hak suami yang terkandung dalam hadis ini berkaitan dengan kewajiban beliau dalam memberi mahar dan nafkah. Para ulama sepakat bahawa seorang isteri berhak menolak ajakan suami pada malam pertama apabila dia belum menerima mahar yang dijanjikan.⁵⁰ Begitu juga apabila suami gagal memberi nafkah, maka isteri berhak untuk tidak melayani suami bahkan boleh menuntut fasakh. Abu Ishaq al-Shirazi berkata: “Apabila suami gagal memberi nafkah, namun isteri memilih untuk tetap bersamanya, maka dia tidak wajib menyerahkan tubuhnya untuk persetubuhan. Dia turut dibenarkan keluar dari rumah (tanpa izin). Hal itu kerana penyerahan tubuh adalah balasan untuk nafkah. Justeru perkara ini tidak wajib apabila tiada nafkah.”⁵¹

Hadis ini juga bukan bermaksud isteri perlu mentaati suami tanpa syarat. Hadis ini perlu difahami dengan prinsip al-Quran serta hadis-hadis lain yang berkaitan dengan hal rumah tangga. Seperti yang disebutkan sebelum ini, al-Quran serta hadis mendidik pasangan agar menyantuni satu sama lain. Suami juga diarahkan agar berlaku baik dan berlemah lembut dengan isteri. Maka kekasaran terhadap isteri seperti memaksa isteri bersama ketika isteri dalam keadaan lemah dan sakit adalah bercanggah dengan prinsip dan ajaran di dalam al-Quran dan sunah Rasulullah s.a.w. Baginda s.a.w. juga bersabda:⁵²

⁴⁷ Ahmad bin ‘Ali bin Hajar al-‘Asqalani, *Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Bukhari*, (Kaherah: Dar al-Rayyan li al-Turath, 1987), 9:205-206.

⁴⁸ Hadis riwayat Muslim, Kitab al-Nikah, no. 1403a.

⁴⁹ ‘Abd al-Ra’uf al-Munawi, *Fayḍ al-Qadīr Sharḥ al-Jāmi’ al-Ṣaghīr*, (Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1994).

⁵⁰ Wahbah al-Zuhayli, *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh* (Damsyik: Dar al-Fikr al-Mu’asir, 1984), 9:6793.

⁵¹ Abu Ishaq Al-Shirazi, *Al-Muhadhab*, (Beirut: Dar al-Kutub al-Islamiyyah), 3:155.

⁵² Hadis riwayat al-Bukhari, Kitab al-Nikah, hadis no. 138.

لَا يَجِلْدُ أَحَدُكُمْ امْرَأَتَهُ جَلْدَ الْعَبْدِ ثُمَّ يُجَامِعُهَا فِي آخِرِ الْيَوْمِ

Ertinya: “Janganlah seseorang di antara kamu merotan isterinya sebagaimana dia merotan seorang hamba kemudian menggauli isterinya pada malam hari pula.”

Di dalam hadis ini, Rasulullah s.a.w. melarang suami mengasari isteri sama ada secara fizikal mahupun emosi dan mental, kemudian mengajak isteri untuk bersama dengannya. Suami perlu menjaga kesejahteraan isteri agar isteri turut bersedia menjalankan tanggungjawabnya. Ia juga menunjukkan bahawa intimasi di antara suami dan isteri seharusnya berlaku dalam keadaan yang kondusif.

Begitu juga suami dan isteri perlu mengukuhkan persefahaman di antara mereka. Isteri perlu memahami tanggungjawabnya untuk memenuhi keperluan suami, sebagaimana suami juga perlu peka dan memahami keadaan dan situasi isteri. Sekiranya isteri dibebani dengan tugas menguruskan rumah dan anak-anak bersendirian umpamanya ataupun isteri menguruskan anak-anak dan turut bekerja, maka suami perlu memahami keletihan fizikal dan emosi isteri. Dalam hal ini, suami boleh menzahirkan penghargaan kepada isteri dengan membantu urusan rumah dan anak-anak agar isteri bersedia dari segi fizikal dan emosi untuk bersama. Suami boleh membantu menguruskan anak-anak dan mencontohi sunnah Rasulullah s.a.w. yang membantu menguruskan rumah tangga

6.2.3 Talak Mengundang Murka Allah

Sesetengah mangsa keganasan rumah tangga enggan memperjuangkan haknya kerana tidak ingin menjadi penyebab perceraian. Terlebih lagi terdapat sebuah hadis yang mencela perceraian iaitu hadis yang diriwayatkan daripada Muharib bin Dithar bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: ⁵³

أَبْغَضُ الْحَلَالِ إِلَى اللَّهِ الطَّلَاقُ

Ertinya: “Tiada perkara halal yang paling Allah benci daripada perceraian.”

Sebuah hadis lain daripada Thawban menyebutkan bahawa Nabi s.a.w. bersabda: “Mana-mana isteri yang meminta cerai daripada suaminya tanpa sebab yang munasabah, maka dia tidak akan mendapatkan wangian syurga.”⁵⁴

Perceraian sememangnya tidak disukai kerana membawa implikasi berat pada diri suami, isteri

⁵³ Hadis riwayat Abu Daud, Kitab al-Talak, no. 2178.

⁵⁴ Hadis riwayat Abu Daud, Kitab al-Talak, no. 2226. Hadis riwayat al-Tirmidhi, Kitab al-Talak wa al-Li'an 'an Rasulullah s.a.w., no. 1187.

dan anak-anak. Justeru, pasangan suami isteri harus menghindari perceraian semampu mereka. Bagaimanapun apabila tiada lagi jalan yang boleh ditempuh untuk memperbaiki keadaan, maka perceraian adalah penyelesaian terbaik agar kedua-dua pihak boleh keluar daripada permasalahan yang dihadapi dan meneruskan hidup mereka dengan lebih baik lagi. Malah apabila suami tidak lagi menjalankan tanggungjawabnya dan isteri dizalimi, Islam membenarkan isteri menuntut cerai.

Sesetengah masyarakat pula memandang isteri yang menuntut cerai sebagai nusyuz atau derhaka. Ini sedangkan di dalam Islam, terdapat pilihan khuluk ataupun permintaan cerai daripada pihak isteri. Jumhur ulama berpandangan bahawa hukum khuluk adalah harus sebagai penyelesai pertikaian yang berlaku antara suami dan isteri. Seorang isteri mungkin tidak lagi mampu hidup bersama suaminya kerana pelbagai sebab yang berkaitan dengan fizikal, perilaku, dan gaya hidup suami. Islam memberi peluang kepada isteri untuk melepaskan diri daripada ikatan perkahwinan menerusi khuluk demi menolak kemudaratan kepada dirinya dengan mengembalikan mahar yang pernah diterima daripada suaminya.⁵⁵ Apabila isteri meminta cerai dan bersedia mengembalikan mahar, pihak suami digalakkan untuk mengabulkan permintaan tersebut.

Dalil bagi perkara ini adalah firman Allah s.w.t.:

الطَّلَاقُ مَرَّتَانٍ فَإِمْسَاكَ بِمَعْرُوفٍ أَوْ تَسْرِيحٌ بِإِحْسَنٍ ۚ وَلَا يَحِلُّ لَكُمْ أَنْ تَأْخُذُوا مِمَّا
ءَاتَيْتُمُوهُنَّ شَيْئًا إِلَّا أَنْ يَخَافَا أَلَّا يُقِيمَا حُدُودَ اللَّهِ ۚ فَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا يُقِيمَا حُدُودَ اللَّهِ فَلَا
جُنَاحَ عَلَيْهِمَا فِيمَا افْتَدَتْ بِهِ ۚ تِلْكَ حُدُودُ اللَّهِ فَلَا تَعْتَدُوهَا ۚ وَمَنْ يَتَعَدَّ حُدُودَ اللَّهِ
فَأُولَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿٢٢٩﴾

Ertinya: "Talak (yang boleh dirujuk kembali itu hanya) dua kali. Sesudah itu bolehlah ia (rujuk dan) memegang terus (isterinya itu) dengan cara yang sepatutnya atau melepaskan (menceraikannya) dengan cara yang baik dan tidaklah halal bagi kamu mengambil balik sesuatu dari apa yang telah kamu berikan kepada mereka (isteri-isteri yang diceraikan itu) kecuali jika keduanya (suami isteri) takut tidak dapat menegakkan aturan-aturan hukum Allah. Oleh itu kalau kamu khuatir bahawa kedua-duanya tidak dapat menegakkan aturan-aturan hukum Allah, maka tidaklah mereka berdosa - mengenai bayaran (tebus talak) yang diberikan oleh isteri untuk menebus dirinya (dan mengenai pengambilan suami akan bayaran itu). Itulah aturan-aturan hukum Allah maka janganlah kamu melanggarnya; dan sesiapa yang melanggar aturan-aturan hukum Allah, maka mereka itulah orang-orang yang zalim." (Al-Baqarah 2:229)

⁵⁵ Wahbah Zuhayli, *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, 9:7009.

Selain itu terdapat sebuah hadis riwayat Ibn ‘Abbas: “Suatu hari isteri Thabit bin Qays datang kepada Nabi dan menceritakan bahawa beliau tidak mencintai suaminya. Baginda mengabulkan keinginannya untuk berpisah dengan suaminya selepas dia bersedia mengembalikan mahar.”⁵⁶

Oleh itu suami ataupun isteri yang menghadapi masalah rumah tangga dinasihatkan agar merujuk isu mereka kepada pakar seperti asatizah bagi pencerahan agama dan kaunselor bagi menyelesaikan ketegangan dan konflik.

6.3 Apa Kata Islam Tentang Mentaati Suami?

Salah satu kunci terpenting dalam membina rumah tangga yang harmoni dan berjaya terletak pada kedua-dua pasangan memahami peranan dan tanggungjawab mereka. Memahami kedua-dua ini amat membantu dalam menentukan jangkaan yang sihat di antara pasangan dan meletakkan asas yang kukuh dalam sesebuah perkahwinan. Ia juga penting dalam mencegah salah faham yang mungkin berlaku apabila seorang pasangan berasa kurang mendapat layanan sewajarnya dalam perkahwinan.

Peranan dan tanggungjawab ini meskipun ditentukan oleh undang-undang syariah sering pula dipengaruhi oleh budaya dan tradisi tempatan yang tentunya berubah mengikut masa.⁵⁷ Tradisi terdahulu di Singapura mengkehendaki para isteri menjadi suri rumah dengan tanggungjawab utamanya menjaga kebajikan suami dan anak-anaknya. Dalam salah sebuah rencana akhbar pada 1981, peranan suami disamakan dengan peranan ‘majikan’ kerana suami menjadi pemberi nafkah sementara isteri pula ‘pekerja’ yang tidak ada hak mendapatkan bayaran bagi semua kerja keras yang dilakukannya dan juga tidak boleh meminta sebarang hak daripada suami.⁵⁸

Prinsip ini menimbulkan masalah kerana ia meletakkan peranan orang berkuasa di tangan si pemberi nafkah. Ia menyifatkan orang yang ada pendapatan lebih bertaraf dalam perhubungan tersebut. Kini lebih ramai wanita terpaksa atau memutuskan untuk bekerja demi menyumbang kepada kewangan keluarga dan keperluan negara kepada tenaga wanita. Pada 2017, 63.3% wanita berkeluarga di Singapura bekerja sepenuh masa, sementara 63.8% bekerja sambil.⁵⁹ Sebilangan

⁵⁶ Hadis riwayat al-Bukhari, Mishkat al-Misbah, Kitab al-Nikah, no. 3274.

⁵⁷ Putung, S. H., & Ag Basir, D. H., “Penglibatan Suami Dalam Kerja-Kerja Rumah Tangga: Kajian Kes Di Sabah,” *Jurnal Fiqh* 14, (2017), 1–26.

⁵⁸ *Berita Harian* (1981), Seminggu Sekali Biar Isteri Berihat dari Dapur: Bawalah Mereka ke Tempat-tempat Makan Sesudah Berhari-hari Mengurus Rumah tangga dan Menjaga Anak-anak.

⁵⁹ Liew, M. (2020). A cultural and Economic Challenge: Increasing female participation in Singapore's workforce: ASEAN Today. ASEAN Today. Diperolehi pada September 23, 2021, daripada <https://www.aseantoday.com/2019/04/a-cultural-and-economic-challenge-increasing-female-participation-in-singapores-workforce/>

wanita ini bergaji lebih besar daripada gaji suami mereka. Seandainya kita menggunakan prinsip terdahulu yang dilaporkan dalam rencana akhbar tempatan, wanita-wanita ini seharusnya dianggap lebih bertaraf berbanding suami mereka. Tentunya ini bukanlah gambaran sepatutnya dan tidak harus digunakan sebagai dasar untuk menganggap suaminya lebih rendah kedudukannya.

6.3.1 Pandangan al-Quran

Al-Quran menganjurkan pasangan suami isteri agar saling bekerjasama. Mereka saling memerlukan di antara satu sama lain. Allah s.w.t. juga menjelaskan bahawa lelaki dan wanita sama-sama mempunyai kekurangan maka menjadi tanggungjawab bersama untuk saling melengkapi.

Firman Allah s.w.t.:

هُنَّ لِبَاسٌ لَّكُمْ وَأَنْتُمْ لِبَاسٌ لَّهُنَّ

Ertinya: "Isteri-isteri kamu itu adalah sebagai pakaian bagi kamu dan kamu pula sebagai pakaian bagi mereka." (Al-Baqarah 2:187)

Prof Quraish Shihab menjelaskan bahawa ayat ini mengibaratkan pasangan suami isteri sebagai pakaian. Maka sekiranya pakaian berfungsi sebagai menutup aurat, maka begitu juga pasangan suami isteri harus saling melengkapi dan menutup kekurangan masing-masing.⁶⁰

Di dalam al-Quran juga, kita mendapati bahawa isteri mempunyai kedudukan yang penting di dalam rumah tangga. Al-Quran menekankan keperluan untuk suami dan isteri berbincang dalam perkara-perkara penting sebelum membuat keputusan, seperti hal membesarkan anak. Firman Allah s.w.t.:

وَالْوَالِدَاتُ يُرْضِعْنَ أَوْلَدَهُنَّ حَوْلَيْنِ كَامِلَيْنِ لِمَنْ أَرَادَ أَنْ يُتِمَّ الرَّضَاعَةَ وَعَلَى الْمَوْلُودِ لَهُ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ لَا تُكَلَّفُ نَفْسٌ إِلَّا وُسْعَهَا لَا تُضَارَّ وَالِدَةٌ بِوَلَدِهَا وَلَا مَوْلُودٌ لَهُ بِوَلَدِهِ وَعَلَى الْوَارِثِ مِثْلُ ذَلِكَ فَإِنْ أَرَادَا فِصَالًا عَنْ تَرَاضٍ مِنْهُمَا وَتَشَاوُرٍ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا وَإِنْ أَرَدْتُمْ أَنْ تَسْتَزِعُوا أَوْلَادَكُمْ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ إِذَا سَلَّمْتُمْ مَا آتَيْتُمْ بِالْمَعْرُوفِ وَاتَّقُوا اللَّهَ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿٢٣٣﴾

Ertinya: "Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap iaitu bagi orang yang hendak menyempurnakan penyusuan itu; dan kewajiban bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut

⁶⁰ Quraish Shihab, *Tafsir Al-Misbah: Pesan, Kesan dan Keserasian Al-Quran*, (Jakarta: Lentera Hati, 2012), 495.

cara yang sepatutnya. Tidaklah diberatkan seseorang melainkan menurut kemampuannya. Janganlah menjadikan seseorang ibu itu menderita kerana anaknya, dan (jangan juga menjadikan) seseorang bapa itu menderita kerana anaknya; dan waris juga menanggung kewajipan yang tersebut (jika si bapa tiada). kemudian jika keduanya (suami isteri mahu menghentikan penyusuan itu dengan persetujuan (yang telah dicapai oleh) mereka sesudah berunding, maka mereka berdua tidaklah salah (melakukannya). Dan jika kamu hendak beri anak-anak kamu menyusu kepada orang lain, maka tidak ada salahnya bagi kamu apabila kamu serahkan (upah) yang kamu mahu beri itu dengan cara yang patut. Dan bertakwalah kamu kepada Allah, serta ketahuilah, sesungguhnya Allah sentiasa melihat akan apa jua yang kamu lakukan.” (Al-Baqarah 2:233)

6.3.2 Contoh-contoh Daripada Rasulullah s.a.w.

Sebaliknya, kita seharusnya memerhatikan ajaran agama selain contoh-contoh daripada Rasulullah s.a.w. yang menekankan rasa hormat dan empati di antara pasangan, sebagaimana diriwayatkan ‘Ibn Abbas bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

خَيْرُكُمْ خَيْرُكُمْ لِأَهْلِهِ وَأَنَا خَيْرُكُمْ لِأَهْلِي

Ertinya: “Sebaik-baik kalian adalah yang paling baik kepada isterinya, dan aku (Nabi s.a.w.) adalah orang yang paling baik di antara kalian kepada isteri-isteriku.”⁶¹

Hal ini dicontohkan dalam perkahwinan Nabi s.a.w. dengan Khadijah r.a. yang lebih berusia dan kaya daripada Baginda s.a.w.⁶² Khadijah tidak menjadikan hal-hal tersebut alasan untuk tidak menghormati Rasulullah s.a.w. dan beliau setia bersama Baginda menghadapi semua cabaran bersama. Rasulullah s.a.w. juga menyantuninya dengan rasa hormat dan cinta yang mendalam dan tidak mengambil kesempatan akan kemewahan dan kedudukan tinggi Khadijah r.a. dalam masyarakat.

6.3.3 Pandangan Syariah Tentang Mentaati Suami

Kita seharusnya memahami hak serta tanggungjawab suami dan isteri dalam perkahwinan menurut Syariah. Hak-hak isteri boleh digolongkan kepada hak kebendaan dan hak bukan kebendaan. Hak-hak kebendaan seperti mahar (mas kahwin) dan nafkah, sementara hak-hak bukan kebendaan

⁶¹ Hadith riwayat Ibn Majah, Kitab al-Nikah, no. 1977.

⁶² Encyclopædia Britannica, inc. (n.d.). Khadijah. *Encyclopædia Britannica*. Diperolehi pada September 24, 2021, daripada <https://www.britannica.com/biography/Khadijah>

termasuk disantuni dengan rasa hormat dan adil.⁶³ Semasa Rasulullah s.a.w. ditanya mengenai hak-hak para isteri, Rasulullah s.a.w. bersabda:⁶⁴

أَنْ تُطْعِمَهَا إِذَا طَعِمْتَ وَتَكْسُوَهَا إِذَا اكْتَسَيْتَ وَلَا تَضْرِبَ الْوَجْهَ وَلَا تُقَبِّحَ وَلَا تَهْجُرَ
إِلَّا فِي الْبَيْتِ

Ertinya: “Berilah mereka makan daripada apa-apa yang kalian makan, dan berilah mereka pakaian daripada apa yang kalian pakai. Janganlah kalian memukul mereka dan jangan pula mencaci mereka atau terpisah dengan mereka kecuali di dalam rumah.”

Hak-hak suami sebagai pelindung keluarga termasuk isteri mentaatinya dalam lingkungan agama.⁶⁵ Seorang isteri sangat digalakkan mendapatkan keizinan suami apabila dia keluar rumah atau mengundang sesiapa ke rumahnya yang tidak disukai suaminya kerana suami tadi bertanggungjawab terhadap kesejahteraan isteri dan keluarganya. Demikian juga suami harus memberitahu isteri keberadaannya sebagai lambang cinta dan mengambil berat terhadap perasaannya. Isteri juga harus melindungi nama baik suami, demikian juga sebaliknya.

Ternyata Islam amat menekankan rasa saling menghormati di antara pasangan. Inilah hikmah perkahwinan apabila kedua-duanya diberi tanggungjawab dan hak masing-masing dan juga melindungi pasangannya dengan cara tersebut. Berkomunikasi menjadi penting dalam melahirkan jangkauan kedua-duanya. Seorang suami juga harus faham bahawa perkahwinan adalah ikatan suci dan isterinya bukan hak miliknya.

Allah s.w.t. menyatakan di dalam al-Quran:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا يَحِلُّ لَكُمْ أَنْ تَرْتُبُوا النِّسَاءَ كَرْهًا وَلَا تَعْضُلُوهُنَّ لِتَذْهَبُوا بِبَعْضِ مَا
ءَاتَيْنَهُنَّ إِلَّا أَنْ يَأْتِيَنَّ بِفَحِشَةٍ مُبَيَّنَةٍ وَعَاشِرُوهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ فَإِنْ كَرِهْتُمُوهُنَّ فَعَسَى أَنْ
تَكْرَهُوا شَيْئًا وَيَجْعَلَ اللَّهُ فِيهِ خَيْرًا كَثِيرًا ﴿١٩﴾

Ertinya: “Wahai orang-orang beriman, tidak halal bagi kamu mewarisi perempuan-perempuan dengan jalan paksaan, dan janganlah kamu menyakiti mereka (dengan menahan dan menyusahkan mereka) kerana kamu hendak mengambil

⁶³ Bani, L. M., & Pate, H. A., “The Role of Spouses under Islamic Family Law”, *International Affairs and Global Strategy*, (2015), 37.

⁶⁴ Hadis riwayat Ahmad, Abu Dawud dan Ibn Majah, Kitab al-Nikah, hadis no. 3259.

⁶⁵ Semono, Salma, Isteri Wajib Taati Suami di Samping Ibu Bapa, *Berita Harian* (1981).

balik sebahagian daripada apa yang kamu telah berikan kepadanya, kecuali (apabila) mereka melakukan perbuatan keji yang nyata. Dan bergaullah kamu dengan mereka (isteri-isteri kamu itu) dengan cara yang baik. Kemudian jika kamu (merasai) benci kepada mereka (disebabkan tingkah lakunya, janganlah kamu terburu-buru menceraikannya), kerana boleh jadi kamu bencikan sesuatu, sedang Allah hendak menjadikan pada apa yang kamu benci itu kebaikan yang banyak (untuk kamu).” (Al-Nisa’ 4:19)

Memahami hal demikian boleh membantu jangkaan perkahwinan dalam Islam yang lebih menyeluruh kerana tanpa pemahaman ini, malangnya ia menjadi punca kekecewaan bagi suami isteri. Kadangkala ini disebabkan suami mahu dilayan bagaikan raja dan dia harus ditaati apa pun keadaannya. Ada juga berasa perlu menggunakan kekerasan apabila dinafikan apa yang dianggap “hak-hak” mereka atau menegaskan kuasa mereka sebagai pemimpin keluarga.

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan An-Nu’man ibn Bashir, semasa Abu Bakar mendengar Aisha r.a. bersuara keras kepada Rasulullah s.a.w., beliau memegangnya untuk ditampar seraya berkata: “Apakah kamu mengangkat suaramu di hadapan Rasulullah?” Maka Nabi s.a.w. mula menahannya sehingga Abu Bakar keluar dengan marah. Rasulullah s.a.w. bersabda kepada Aishah r.a. apabila Abu Bakar r.a. keluar: “Tidakkah kamu melihat bahawa aku telah menyelamatkan kamu daripada ayahandamu.”⁶⁶

Rasulullah s.a.w. tidak membenarkan Abu Bakar r.a. bertindak terhadap anaknya kerana tidak menghormati Baginda s.a.w., malahan Aisha dilindungi Baginda s.a.w. walaupun beliau mungkin menyinggung Baginda s.a.w. Rasulullah s.a.w. menangani hal tersebut dengan belas kasihan dan tidak menggunakan kedudukannya sebagai suami mahupun rasul untuk memukul Aisha agar taat. Rasa hormat Baginda kepada isterinya menjadi bukti perlakuan Baginda terhadap isteri-isterinya. Rasulullah s.a.w. menyayangi dan ikhlas mengambil berat terhadap kebajikannya dan mengamalkan empati walaupun Baginda ternyata mempunyai kuasa.

Ketika abang kepada Jamilah bint Abdullah bin Ubayy bertemu Rasulullah s.a.w. untuk mengadu bahawa suami Jamilah teruk memukulnya sehingga tangannya patah, Rasulullah s.a.w. bersabda kepada suami Jamilah: “Ambillah hutangnya kepada kamu dan lepaskannya.”⁶⁷ Perlu kita perhatikan bahawa Rasulullah s.a.w. tidak mengambil kira sebabnya Jamilah dipukul tetapi menegaskan tiada apa pun boleh mewajarkan seorang lelaki memukul isterinya sehingga cedera parah.⁶⁸ Yang

⁶⁶ Hadis riwayat Ahmad An-Nasa’i, Kitab al-Talak, hadis no. 4999.

⁶⁷ Hadis riwayat Ahmad An-Nasa’i, Kitab al-Talak, hadis no. 109.

⁶⁸ Chaudhry, A. S., “I WANTED ONE THING AND GOD WANTED ANOTHER...”: The Dilemma of the Prophetic Example and the Qur’anic Injunction on Wife-Beating. *The Journal of Religious Ethics* 39, 3 (2011), 416–439.

diutamakan Rasulullah s.a.w. ialah keselamatan Jamilah dan menjauhkannya daripada suaminya.

6.3.4 Meninjau Semula Jangkaan Kebudayaan dan Peranan Isteri

Justeru, peranan suami sebagai pelindung isteri perlu difahami dan suami tidak seharusnya menyalahgunakan kedudukannya untuk mendera isterinya. Sama pentingnya ditinjau semula beberapa pandangan misalnya para isteri seratus peratus bertanggungjawab di dalam hal-hal rumah tangga yang begitu sebat dalam sebilangan ahli masyarakat Melayu-Islam tempatan, terutama di kalangan generasi tua.⁶⁹ Pandangan-pandangan sebegini kadangkala melanjutkan jangkaan-jangkaan tidak munasabah terhadap pasangan, yang lazimnya menghendaki isteri melayani semua keperluan dan kehendak suami tanpa menitikberatkan kesejahteraan isteri. Sebaliknya, terbatasnya upaya isteri memenuhi jangkaan-jangkaan ini dianggap kekurangannya, lantas membolehkan isteri diperlakukan tidak seeloknya.

Penting juga dimaklumi bahawa ada sesetengah sarjana berpendapat para isteri tidak diwajibkan melakukan kerja rumah tangga misalnya mengemas rumah, memasak dan menjahit.⁷⁰ Seandainya para isteri memilih melakukannya, ia dilakukan dengan kemahuannya sendiri. Sekira boleh, suami harus menyediakan seorang pembantu atau pekerja rumah tangga bagi membantu kerja-kerja rumah tersebut.⁷¹

Pendapat-pendapat ini sering berlandaskan fakta bahawa Rasulullah s.a.w. membantu dalam urusan rumah tangganya. Aisha r.a., isteri Nabi Muhammad s.a.w. ditanya: “Apa yang dilakukan Rasulullah s.a.w. di dalam rumahnya?” Beliau menjawab, “Baginda selalu melakukan kerja-kerja rumah tangga dan kalau masuk waktu solat, Baginda pergi bersolat.”⁷² Dalam satu lagi riwayat, Aisha r.a. dilaporkan berkata: “Baginda melakukan apa yang dilakukan juga oleh kamu di rumahnya. Baginda memperbaiki kasutnya, menampal bajunya dan menjahit.”⁷³

Justeru, para suami seharusnya mencari jalan untuk menyumbang pada rumah tangganya bukan sahaja dari segi kewangan tetapi juga lebih terlibat dalam urusan rumah tangga seperti membantu dalam kerja-kerja rumah serta menjaga anak-anak mereka⁷⁴ terutama dalam masyarakat masa kini

⁶⁹ Berita Harian (1981), *Seminggu Sekali Biar Isteri Berihat dari Dapur: Bawalah Mereka ke Tempat2 Makan Sesudah Berhari2 Mengurus R-tangga dan Menjaga Anak2*.

⁷⁰ Putung, S. H., & Ag Basir, D. H., “Penglibatan Suami Dalam Kerja-Kerja Rumah Tangga: Kajian Kes Di Sabah,” *Jurnal Fiqh* 14, (2017), 1–26.

⁷¹ Othman Al Kamees. *Hal Yajibu ‘ala al-Zaujah an Takhdima Zaujaha*, laman sesawang YouTube, dicapai 24 September 2021, from <https://www.youtube.com/watch?v=C-XKwk2lOk4>.

⁷² Hadith riwayat al-Bukhari, Kitab al-Adab, no. 6039.

⁷³ Hadith riwayat al-Bukhari, Al-Adab al-Mufrad, Kitab al-‘Am Al-Tasarruf, no. 540.

⁷⁴ Berita Harian (1989), *Kerja rumah: Kaum Lelaki Harus Bantu*.

apabila isteri-isteri diharap turut juga menyumbang bagi kewangan rumah tangga. Menyantuni pasangan kita dengan rasa hormat termasuk juga berkongsi beban rumah tangga tanpa berkira-kira dan berusaha untuk meringankan tekanan hidupnya kerana rasa cinta dan prihatin kita terhadap kesejahteraan pasangan kita.

Malangnya, kes-kes suami mahu dilayan sepenuhnya bukan pula jarang berlaku dan masih berleluasa dalam masyarakat kita. Dengan bertambahnya bilangan wanita yang semakin berdikari dari segi kewangan dan memainkan peranan yang aktif dalam menyumbang pada kewangan keluarga, besar kemungkinan mereka tidak mudah menerima tingkah laku sedemikian. Tidak menghairankan pula bahawa 72.2% perceraian di kalangan Muslim di Singapura pada 2020 dimulakan oleh kaum wanita.⁷⁵ Justeru, jangkaan-jangkaan ini harus ditinjau semula kerana ia mungkin kurang membantu mensejahterakan mereka yang berumah tangga buat masa ini.

Rasulullah s.a.w. tidak membezakan tugas yang seharusnya dilakukan seorang suami ataupun isteri. Sebaliknya, Baginda melakukan apa yang perlu bagi mengurangkan beban rumah tangganya. Rasulullah s.a.w. diberi pengecualian mengahwini lebih daripada empat orang isteri pada satu-satu masa dan boleh menyuruh salah seorang isterinya melakukan tugas-tugas rumah tangga untuknya tetapi Baginda s.a.w. tidak berbuat demikian. Rasulullah s.a.w. menjadi contoh terulung bahawa tanggungjawab seorang suami tidak terbatas kepada menjadi penyumbang kewangan rumah tangga sahaja. Sebaliknya seorang suami memainkan peranan sebagai ketua dan sekali gus pelindung yang seharusnya mengamalkan sikap ihsan, empati, sabar dan hormat terhadap isterinya.⁷⁶ Suami tidak boleh menyalahgunakan kuasa dengan tidak menghormati atau menganiaya isterinya demi kemanfaatan peribadi. Perkara ini dinyatakan di dalam al-Quran:

وَلَهُنَّ مِثْلُ الَّذِي عَلَيْهِنَّ بِالْمَعْرُوفِ وَلِلرِّجَالِ عَلَيْهِنَّ دَرَجَةٌ ۗ وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٢٢٨﴾

Ertinya: “Dan isteri-isteri itu mempunyai hak yang sama seperti kewajipan yang ditanggung oleh mereka (terhadap suami) dengan cara yang sepatutnya (dan tidak dilarang oleh syarak); dalam pada itu orang-orang lelaki (suami-suami itu) mempunyai satu darjat kelebihan atas orang-orang perempuan (isterinya). Dan (ingatlah), Allah Maha Kuasa lagi Maha Bijaksana.” (Al-Baqarah 2:228)

Selain memberikan tugas mengurus rumah dan anak kepada isteri, pandangan tradisional memberikan tugas membuat keputusan bagi hal-hal utama kepada suami. Jika dibandingkan di dalam Islam, kita digalakkan mengamalkan *syura* iaitu perbincangan ataupun rundingan. Hal ini

⁷⁵ Department of Statistics, Ministry of Trade & Industry, (2021). Statistics on Marriages and Divorces, 2020.

⁷⁶ Berita Harian (1987), Peranan Suami Isteri dalam Rumahtangga Bahagia.

juga diamalkan oleh Rasulullah s.a.w. bukan sahaja bersama sahabat, akan tetapi Baginda s.a.w. selaku pemimpin umat Islam dan suami turut berbincang bersama isterinya. Pandangan Ummu Salamah yang diambil oleh Rasulullah s.a.w. setelah Perjanjian Hudaibiyah boleh dijadikan inspirasi serta panduan. Pada ketika itu Rasulullah s.a.w. menceritakan kepada isterinya, Ummu Salamah, mengenai pengikutnya yang tidak mahu menyembelih haiwan serta memotong rambut dan kuku mereka. Mendengarkan hal tersebut, Ummu Salamah menyarankan kepada Rasulullah s.a.w. agar Baginda s.a.w. memulakan dan melakukan hal tersebut dahulu secara terang-terangan. Rasulullah s.a.w. menerima saranan tersebut lalu menyembelih haiwan di tempat terbuka serta mencukur dan memotong rambut Baginda. Ini menunjukkan Rasulullah s.a.w. mempercayai serta menghargai isterinya sehingga mendapatkan pandangan beliau dalam urusan pentadbiran masyarakat Islam. Tindakan mendapatkan pandangan dan berbincang bersama ini jelas menunjukkan isteri mempunyai kedudukan dan nilai yang penting di dalam rumah tangga.

6.4 Seorang Muslim Dituntut Bersabar dalam Menghadapi Ujian dan Dugaan. Pasangan Suami Isteri juga Bertanggungjawab untuk Menutup Keaiban Pasangan Mereka. Adakah Mangsa Keganasan Rumah tangga Perlu Bersabar, Menerima Sahaja dan Mengamalkan Tawakal dalam Menghadapi Ujian Tersebut?

6.4.1 Memahami Erti Kesabaran dan Tawakal bagi Mangsa Penderaan

Sabar dan tawakal merupakan sikap yang sangat terpuji di dalam Islam. Ia mempunyai banyak keutamaan antaranya meraih pertolongan Allah s.w.t. serta mendapat syurga yang tinggi.

Antara amalan yang boleh dilakukan bagi menyuburkan sifat sabar adalah mengamalkan doa yang diajarkan oleh Rasulullah s.a.w.:⁷⁷

اَللّٰهُمَّ اجْعَلْنِيْ شَكُوْرًا وَّاجْعَلْنِيْ صَبُوْرًا وَّاجْعَلْنِيْ فِيْ عَيْنِيْ صَغِيْرًا وَّفِيْ اَعْيُنِ النَّاسِ كَبِيْرًا

Ertinya: “Wahai Tuhanku, jadikanlah aku orang yang bersyukur, dan jadikanlah aku orang yang bersabar, dan jadikanlah aku kecil di pandangan mataku namun besar dalam pandangan mata orang lain.”

Di samping itu, kita juga digalakkan untuk berzikir untuk mengingatkan diri bahawa segala urusan kita berada di dalam kuasa Allah s.w.t. Antara zikir yang boleh diamalkan adalah seperti yang tertera di dalam al-Quran:

⁷⁷ Hadis diriwayatkan oleh al-Haithami, Kasyf al-Astar, Bab Du'a al-Nabi s.a.w., hadis no. 3198.

حَسْبِيَ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَهُوَ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ ﴿١٢٩﴾

Ertinya: "Cukuplah Allah bagiku, tiada Tuhan selain Dia, hanya kepadaNya aku bertawakkal dan Dia adalah Tuhan yang memiliki 'arsy yang agung." (Al-Taubah 9:129)

Namun kadangkala terdapat kekeliruan dalam memahami sikap mulia ini. Sabar kadangkala difahami sebagai hanya menahan diri dan terpaksa menerima ujian tanpa melakukan apa-apa. Fahaman ini membawa seorang Muslim menjadi seorang yang pasif. Sebaliknya bagi memahami konsep sabar, kita boleh merenung firman Allah s.w.t.:

وَأَسْتَعِينُوا بِالصَّبْرِ وَالصَّلَاةِ إِنَّهَا لَكَبِيرَةٌ إِلَّا عَلَى الْخَاشِعِينَ ﴿٤٥﴾

Ertinya: "Dan mintalah pertolongan (kepada Allah) dengan jalan sabar dan mengerjakan sembahyang; dan sesungguhnya sembahyang itu amatlah berat kecuali kepada orang-orang yang khusyuk." (Al-Baqarah 2:45)

Dalam ayat ini, Allah s.w.t. mengajar kita untuk meminta pertolongan bukan sahaja melalui kesabaran tetapi ia perlu diiringi dengan menunaikan solat. Ini bererti kesabaran yang dianjurkan di dalam Islam adalah kesabaran yang aktif iaitu yang diiringi dengan usaha untuk mengeluarkan diri daripada dugaan, kesulitan dan penderitaan.

Manakala tawakal pula kadangkala difahami sebagai hanya menyerahkan segala-galanya kepada ketentuan Allah s.w.t. dengan menerima keadaan seadanya. Ini bercanggah dengan ajaran Rasulullah s.a.w. tentang tawakal. Rasulullah s.a.w. pernah ditanya sama ada bolehkah unta ditinggalkan begitu sahaja lalu kita bertawakal kepada Allah s.w.t. untuk menjaga unta tersebut ataupun kita perlu mengikatnya. Rasulullah s.a.w. menjawab:⁷⁸

اعْقِلْهَا وَتَوَكَّلْ

Ertinya: "Ikatlah unta itu dan bertawakal."

Dalam hadis ini, Rasulullah s.a.w. secara jelas memberi pesanan agar mengikat unta itu terlebih dahulu iaitu berusaha agar unta tersebut tidak hilang, kemudian menyerahkan urusan kepada Allah s.w.t. Sebagaimana di dalam firman Allah s.w.t:

⁷⁸ Hadis riwayat al-Tirmidzi, Kitab Sifat al-Qiyamah wa al-Raqaiq wa al-Wara' 'an Rasulullah, hadis no. 2517.

فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ ﴿١٥٩﴾

Ertinya: “Kemudian apabila kamu telah membulatkan tekad, maka bertawakkallah kepada Allah. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang bertawakkal kepada-Nya.” (Ali-‘Imran 3:159)

6.4.2 Membela Diri dari Kezaliman dan Mencari Penyelesaian adalah Tuntutan Agama

Jelas di sini bahawa sabar dan tawakal di dalam Islam perlu diiringi dengan usaha dan kesungguhan. Melalui pemahaman konsep sabar dan tawakal yang sebenar, mangsa keganasan rumah tangga perlu mencari jalan keluar dari penderitaan yang dialami. Mempertahankan diri serta mendapatkan pertolongan dari ditindas dan dikasari, tidak bererti itu tanda kelemahan iman. Ia tidak mengurangkan nilai seseorang Muslim di sisi Allah s.w.t. Bahkan mempertahankan serta membela diri dari ancaman bahaya dan kemudaratan adalah perkara yang dituntut di dalam Islam. Memaafkan orang yang menzalimi dan berlaku baik kepadanya bukan bererti tidak boleh mempertahankan diri. Ini sebagaimana dijelaskan dalam firman Allah s.w.t.:

وَالَّذِينَ إِذَا أَصَابَهُمُ الْبَغْيُ هُمْ يَنْتَصِرُونَ ﴿٣٩﴾ وَجَزَاءُ سَيِّئَةٍ سَيِّئَةٌ مِّثْلُهَا فَمَنْ عَفَا وَأَصْلَحَ فَأَجْرُهُ عَلَى اللَّهِ إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الظَّالِمِينَ ﴿٤٠﴾ وَلَمَنْ أَنْتَصَرَ بَعْدَ ظُلْمِهِ فَأُولَٰئِكَ مَا عَلَيْهِمْ مِنْ سَبِيلٍ ﴿٤١﴾

Ertinya: “Dan juga (lebih baik dan lebih kekal bagi) orang-orang yang apabila ditimpa sesuatu perbuatan secara zalim, mereka hanya bertindak membela diri (sepadan dan tidak melampaui batas). Dan (jika kamu hendak membalas maka) balasan sesuatu kejahatan ialah kejahatan yang bersamaan dengannya; dalam pada itu sesiapa yang memaafkan (kejahatan orang) dan berbuat baik (kepadanya), maka pahalanya tetap dijamin oleh Allah (dengan diberi balasan yang sebaik-baiknya). Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berlaku zalim. Dan sesungguhnya orang yang bertindak membela diri setelah ia dizalimi, maka mereka yang demikian keadaannya, tidak ada sebarang jalan hendak menyalahkan mereka.” (Al-Shura 42:39-41)

Ayat ini bukan sahaja membenarkan orang yang ditindas untuk membela diri tetapi ia juga menjelaskan bahawa kita tidak seharusnya berasa bersalah untuk mempertahankan diri dari kezaliman. Oleh itu, walaupun pasangan suami isteri mempunyai tanggungjawab untuk menjaga dan tidak menyebarkan aib pasangan mereka, ini tidak bererti mereka perlu menyimpan masalah tersebut sendirian tanpa mendapatkan bantuan.

Bahkan mencari penyelesaian ketika menghadapi kesulitan di dalam rumah tangga dibenarkan di dalam agama Islam. Allah s.w.t. mengajar pasangan suami isteri mendapatkan bantuan melalui wakil daripada pihak masing-masing bagi menangani dan menyelesaikan konflik di antara mereka. Firman Allah s.w.t.:

وَإِنْ خِفْتُمْ شِقَاقَ بَيْنِهِمَا فَأَبْعَثُوا حَكَمًا مِّنْ أَهْلِهِ ۚ وَحَكَمًا مِّنْ أَهْلِهَا إِن يُرِيدَا إِصْلَاحًا يُوَفِّقِ
اللَّهُ بَيْنَهُمَا إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا حَكِيمًا ﴿٣٥﴾

Ertinya: "Dan jika kamu bimbangkan perpecahan di antara mereka berdua (suami isteri) maka lantiklah orang tengah (untuk mendamaikan mereka) seorang daripada keluarga lelaki dan seorang daripada keluarga perempuan. Jika kedua-dua orang tengah itu bertujuan untuk mendamaikan, nescaya Allah akan menjadikan kedua pasangan suami isteri berpakat baik. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Mendalam Pengetahuan-Nya." (Al-Nisa' 4:35)

Wadah yang disediakan ini menunjukkan bahawa agama Islam tidak menyuruh pasangan suami isteri untuk berdiam diri, menyimpan masalah dan berserah ketika menghadapi masalah rumah tangga. Islam membenarkan mereka untuk mendapatkan pertolongan dan mencari penyelesaian dari konflik yang dihadapi melalui wadah-wadah yang betul. Terdapat banyak contoh di mana para sahabat dan sahabiyat datang mengadu masalah rumah tangga kepada Rasulullah s.a.w. dengan harapan mendapatkan nasihat daripada Baginda s.a.w. Contohnya kisah Hindun Binti 'Utbah, isteri kepada Abu Sufian yang datang menemui Rasulullah s.a.w. lalu mengadu bahawa suaminya tidak memberi nafkah yang cukup buat beliau dan anak-anaknya. Mendengarkan ini Rasulullah s.a.w. bersabda:⁷⁹

خُذِي مِنْ مَّالِهِ بِالْمَعْرُوفِ مَا يَكْفِيكَ وَيَكْفِي بَنِيكَ

Ertinya: "Ambillah daripada hartanya dengan cara yang baik apa yang boleh mencukupkan kamu dan anak-anak kamu."

Hadis ini menunjukkan bahawa Rasulullah s.a.w. tidak melarang kita dari mendapatkan nasihat dan bantuan apabila menghadapi masalah rumah tangga.

Selain itu, agama Islam juga mendidik kita untuk bertindak apabila melihat kemungkaran dan kesalahan. Kita diajar untuk mengubahnya atau menghentikan kemungkaran tersebut.

⁷⁹ Hadis riwayat al-Bukhari, Bulugh al-Maram, Kitab al-Nikah, no. hadith 202. Hadis riwayat Muslim, Kitab al-Uqdiyah, no. 1714a.

Oleh yang demikian, di samping mengamalkan kesabaran dan menyerahkan urusan kepada Allah s.w.t., kita perlu berusaha menghentikan lingkaran keganasan dan mencari jalan penyelesaian atau kedamaian melalui ruang dan wadah yang sesuai. Antara perkara yang boleh dipertimbangkan adalah:

- mendapatkan nasihat dan bantuan dari ibu bapa
- menghubungi talian NAVH
- melaporkan kepada polis
- mendapatkan khidmat kaunseling
- mendapatkan bantuan dari Pusat Khidmat Keluarga (Family Social Services).

6.4.3 Bertahan dalam Rumah tangga yang Dibelenggu Kekerasan Meninggalkan Kesan Berpanjangan kepada Anak

Sebahagian mangsa keganasan rumah tangga mungkin ingin bersabar kerana memikirkan kebajikan anak-anak. Namun mangsa di dalam rumah tangga bukan sahaja suami atau isteri yang didera. Keganasan rumah tangga memberikan kesan yang besar kepada anak-anak. Mereka menyaksikan secara senyap kekerasan dan penderaan yang berlaku. Ini memberi kesan kepada emosi dan psikologi anak-anak.⁸⁰

40% daripada anak-anak yang menyaksikan keganasan rumah tangga turut didera secara fizikal.⁸¹ Antara kesan jangka masa panjangnya pula termasuklah sikap kekerasan, keganasan, agresif dan anti-sosial. Kajian juga mendapati anak lelaki yang menyaksikan ayah mereka mendera ibu mereka mempunyai risiko sepuluh kali ganda akan mendera bakal isteri mereka.⁸²

Oleh demikian, pasangan suami isteri yang mementingkan kebajikan anak-anak perlu memikirkan kesejahteraan mereka. Memandangkan bertahan dalam rumah tangga yang dibelenggu dengan kekerasan dan penderaan boleh memberi kesan yang sangat buruk kepada pembesaran anak, maka pasangan suami isteri mempunyai pilihan untuk memperbaiki keadaan serta mencari jalan keluar dari keganasan tersebut dengan mendapatkan bantuan daripada ahli keluarga, pakar mahupun polis.

⁸⁰ Goh Lee Gan, "Spousal Violence and Child Witnesses", *The Singapore Family Physician* 37 (Januari – March 2011), 27.

⁸¹ Kaufman, J., & Henrich, C., Exposure to violence and early childhood trauma. In C. H. Zeanah (Ed.), *Handbook of infant mental health* (2nd ed.) 195-207. (New York: The Guilford Press, 2000).

⁸² Knapp, J. F., "The impact on children witnessing violence", *Pediatric Clinics of North America* 45, (1998), 355- 363.

7. Penutup

Daripada huraian di atas, jelas bahawa Islam tidak menyokong keganasan dan penderaan dalam rumah tangga. Tiada di dalam al-Quran mahupun hadis yang membenarkan keganasan, kekerasan dan penderaan. Malahan al-Quran serta sunah Rasulullah s.a.w. jelas mendidik dan menggariskan agar menyantuni, berlaku baik serta memelihara maruah pasangan.

Justeru, adalah penting untuk sentiasa merujuk semula pemahaman kita tentang teks agama kepada asatizah yang bertauliah.

Semoga kita sentiasa berusaha untuk mencontohi sunah Rasulullah s.a.w. yang dipenuhi dengan kelembutan, kasih sayang dan pemahaman dalam melayari bahtera rumah tangga.

Senarai Bantuan

Berikut adalah senarai bantuan bagi kes keganasan rumah tangga yang boleh didapati di Singapura:

Talian bantuan 24 jam	National Anti-Violence Helpline (NAVH)/Talian Bantuan Antikeganasan Nasional	1800-777 0000
Dalam keadaan bahaya	Polis	999
Khidmat menyeluruh bagi mangsa keganasan seperti: - Khidmat kaunseling - Informasi dan nasihat - Permohonan PPO	PAVE	6555 0390
	Care Corner Project StART/ Projek StART Sudut Prihatin	6476 1482
	TRANSSAFE Centre/Pusat TRANSSAFE	6449 9088
Khidmat kaunseling, kewangan dan masalah rumah tangga	Family Service Centres (FSCs)/Pusat-pusat Khidmat Keluarga	
Hal Guaman dan Permohonan Perintah Perlindungan (PPO)	The Family Justice Court/ Mahkamah Keadilan Keluarga	3 Havelock Square Singapura 059725 Tel: 6435 5077
	Family Court Legal Clinic/ Klinik Guaman Mahkamah Keluarga	Ketika waktu pejabat: 6435 5461 Selepas 6.00pm: 6435 5474
	Legal Aid Bureau/Biro Bantuan Guaman	1800 325 1424
Khidmat kaunseling dan atau panduan keagamaan	Asatizah Solace Care	6436 9350

Anjuran Amalan untuk Mengawal Kemarahan serta Mengukuhkan Hubungan Keluarga⁸³

Surah al-Ikhlas merupakan antara amalan yang mudah diamalkan bagi meraih keberkatan dalam kehidupan. Bahkan ia turut memberi keberkatan kepada keluarga kita dan jiran-jiran.

Hal ini tertera di dalam hadis Rasulullah s.a.w.:

مَنْ قَرَأَ: (قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ) مَرَّةً بوركَ فِيهِ ، فَإِنْ قَرَأَهَا مَرَّتَيْنِ بوركَ عَلَيْهِ وَعَلَى أَهْلِهِ، فَإِنْ قَرَأَهَا ثَلَاثًا بوركَ عَلَيْهِ وَعَلَى أَهْلِهِ وَعَلَى جِيرَانِهِ وَإِنْ قَرَأَهَا اثْنَتَيْ عَشْرَةَ مَرَّةً بَنَى اللَّهُ لَهُ بِهَا اثْنَيْ عَشَرَ قَصْرًا فِي الْجَنَّةِ، وَتَقُولُ الْحَفَظَةُ: انْطَلِقُوا بِنَا نَنْظُرْ إِلَى قُصُورِ أَخِينَا، فَإِنْ قَرَأَهَا مِئَةً مَرَّةً كَفَّرَ اللَّهُ عَنْهُ ذُنُوبَ خَمْسِينَ سَنَةً مَا خَلَا الدِّمَاءَ وَالْأَمْوَالَ فَإِنْ قَرَأَهَا مِئَتَيْنِ مَرَّةً كُفِّرَ عَنْهُ ذُنُوبُ خَمْسِينَ سَنَةً مَا خَلَا الدِّمَاءَ وَالْأَمْوَالَ فَإِنْ قَرَأَهَا أَرْبَعِمِئَةً مَرَّةً كَفَّرَ اللَّهُ عَنْهُ ذُنُوبَ مِائَةِ سَنَةٍ، فَإِنْ قَرَأَهَا أَلْفَ مَرَّةٍ لَمْ يَمُتْ حَتَّى يَرَى مَكَانَهُ مِنَ الْجَنَّةِ أَوْ يُرَى لَهُ

Ertinya: “Barangsiapa membaca Qul Huwallahu Ahad (surah al-Ikhlas) satu kali nescaya akan diberkati ke atasnya, dan barangsiapa membacanya sebanyak dua kali nescaya diberkati ke atasnya dan keluarganya, dan barangsiapa membacanya sebanyak tiga kali, nescaya diberkati ke atasnya dan ahli keluarganya dan ke atas seluruh jiran-jirannya. Dan barangsiapa membacanya dua belas kali, nescaya Allah akan membina sebuah istana di syurga untuknya dan akan berkata penjaga istana itu: Marilah semua bersamaku kita melihat istana saudara kita ini. Dan jika membacanya sebanyak seratus kali Allah menghapuskan darinya dosa-dosanya selama lima puluh tahun, kecuali hutang darah dan harta. Dan jika ia membaca sebanyak empat ratus kali Allah menghapuskan darinya dosa-dosa seratus tahun. Dan jika ia membacanya seribu kali ia tidak akan mati sehinggalah ia nampak tempatnya di syurga, atau diperlihatkan untuknya”.⁸⁴

⁸³ Mohamad Hasbi Bin Hassan dan Kumpulan Penulis Kajian Surah al-Ikhlas Pergas, Rahsia di sebalik Surah al-Ikhlas, Surah al-Ikhlas pereda kemarahan Allah s.w.t., 22.

⁸⁴ Hadis ini diriwayatkan oleh al-Khallal dalam Fadail surah al-Ikhlas dan Ibn ‘Asakir dalam Tarikh Dimasyq dengan sanad yang bersambung kepada Muhammad bin Marwan daripada Aban bin Ayyasy daripada Anas. Muhammad bin Marwan kemungkinan adalah al-Suddi, dituduh berdusta. Aban bin Ayyasy matruk.

12 huruf	قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ﴿١﴾
11 huruf	اللَّهُ الصَّمَدُ ﴿٢﴾
12 huruf	لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ ﴿٣﴾
15 huruf	وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ ﴿٤﴾

50 huruf	10 pahala	500 pahala
2 Surah Al-Ikhlâs	500 pahala	1,000 pahala
3 Surah Al-Ikhlâs	500 pahala	1,500 pahala
12 Surah Al-Ikhlâs	500 pahala	6,000 pahala
100 Surah Al-Ikhlâs	500 pahala	50,000 pahala
400 Surah Al-Ikhlâs	500 pahala	200,000 pahala
1,000 Surah Al-Ikhlâs	500 pahala	500,000 pahala

